

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

DALAM PERKARA KESALAHAN JENAYAH SYARIAH

**“PERBUATAN SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK MELACURKAN DIRI”
DI BAWAH SEKSYEN 25
ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (TAKZIR) TERENGGANU 7/2001
(PINDAAN 2017)**

JENAYAH NO. : 11200-141-0XXX-2018

ANTARA

**KETUA PENDAKWA SYARI'E
JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH
NEGERI TERENGGANU**

PENDAKWA SYARI'E

LAWAN

**XXXX
KP : 730308-01-XXXX**

ORANG KENA TUDUH (OKT)

**DI HADAPAN YANG ARIEF,
TUAN HAJI KAMALRUAZMI BIN ISMAIL, PJK.
HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU**

**DI DALAM MAHKAMAH TERBUKA
PADA HARI RABU, 01 SAFAR 1440H
BERSAMAAN 10 OKTOBER 2018**


[ALASAN PENGHAKIMAN]

TUDUHAN ke atas **XXXX, KP : 730308-01-XXXX** **ORANG KENA TUDUH**, telah didengar di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu dalam kehadiran Pendakwa Syari'e dari Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu, Tuan Muhamad Khasmizan bin Abdullah dengan kehadiran Orang Yang Kena Tuduh yang hadir secara bersendirian, **DAN PADA**

HARI INI TUAN HAKIM MEMBUAT ALASAN PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT :

Kes yang disebut dan didengar di hadapan Saya ini ialah *tuduhan Kesalahan Persediaan Untuk Melacurkan Diri* di bawah seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) bil.7/2001 dan jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen dan Enakmen yang sama iaitu boleh didenda tidak melebihi lima (5) ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau disebat tidak melebihi enam (6) sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Mahkamah menegaskan bahawa sebarang pendakwaan yang dikemukakan kepada Mahkamah dalam apa-apa jua pertuduhan adalah termasuk dalam kategori amar makruf dan nahi mungkar yang perlu dilaksanakan oleh pihak yang berkuasa sebagaimana yang diperintah oleh agama Islam. Ini kerana misi utama manusia diutus ke muka bumi ialah untuk melaksanakan tugas sebagai khalifah yang bertanggungjawab untuk memakmurkan alam ini. Mekanisme penting dalam memakmurkan alam ini ialah dengan melaksanakan tanggungjawab amar makruf dan nahi mungkar. Kemakmuran hakiki akan wujud bila mana semua manusia tunduk kepada kekuasaan Allah S.W.T dan beribadah hanya kepadaNya. Asas pensyariatan prinsip amar makruf dan nahi mungkar ini ialah nas-nas dari al-Qur'an dan al-Sunnah di samping Ijmak, sebagaimana firman Allah S.W.T antaranya di dalam surah Ali-Imran ayat 110 yang berbunyi ;



Maksudnya : “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada semua perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).....”

Di dalam kes ini OKT mengaku bersalah di atas pertuduhan yang dibacakan ke atasnya itu tanpa sebarang syarat. Justeru OKT mengaku bersalah, Mahkamah berpendapat ada 4 (empat) isu persoalan utama yang perlu dilihat dan diberi perhatian sewajarnya oleh Mahkamah iaitu Bidangkuasa Mahkamah, kesalahan dan elemen-elemen yang perlu dibuktikan wujud untuk disabitkan kesalahan, pengakuan bersalah OKT dan pertimbangan faktor-faktor pemberatan dan peringanan dalam menjatuhkan hukuman ke atas OKT.

[**LATARBELAKANG KES – TANGKAPAN DAN PERJALANAN KES**] - OKT yang ditangkap dalam kejadian pada 19.09.2018 itu adalah seramai 2 (dua) orang iaitu OKT dan seorang lelaki yang merupakan pelanggannya (didakwa kesalahan berasingan). OKT telah dilepaskan dengan Jaminan Bon oleh Ketua Pegawai Penguatkuasa di bawah Seksyen 23 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001. Seksyen tersebut memperuntukkan seperti berikut ;

Melepaskan orang yang ditangkap

23. Tiada seorang pun yang ditangkap oleh Pegawai Penguatkuasa Syariah atau pegawai polis di bawah Enakmen ini boleh dilepaskan kecuali atas Bon atau jaminan atau di bawah perintah bertulis seorang Hakim atau Ketua Pegawai Penguatkuasa Syariah atau seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor.

Kes OKT dibawa terus ke Mahkamah dalam masa 24 jam selepas tangkapan, bagi proses sebutan untuk jaminan kerana OKT gagal membawa penjamin selepas tangkapan dibuat ke atasnya. OKT bukan berasal dari Negeri Terengganu.

[Sebutan kes kali pertama] – kes didengar kali pertama untuk sebutan pada 20 September 2019, hari Khamis, jam 9.30 pagi di Dewan 2, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu. OKT hadir dan Pendakwa Syar'ie memaklumkan bahawa prosiding hari ini adalah untuk membuat permohonan kepada Mahkamah agar OKT dilepaskan dengan jaminan sementara menanti tarikh sebutan semula kes

dan kata-kata tuduhan tidak dibaca ke atas OKT pada hari ini. Pendakwa memaklumkan OKT ditahan semalam dalam satu serbuan dan atas beberapa alasan tertentu antaranya OKT tiada penjamin dan bukan berasal serta tinggal di negeri Terengganu, pihak Pendakwa terus membawa dan mendaftarkan kes OKT di Mahkamah dalam tempoh 24 jam, bagi tujuan untuk OKT dilepaskan dengan jaminan melalui proses Mahkamah.

Pendakwa Syarie memohon kepada Mahkamah agar OKT ini dilepaskan dengan jaminan, dan menawarkan/memohon jaminan wang RM4000 dan 2 (dua) orang penjamin, yang mana kedua-dua penjamin hendaklah dari kalangan ahli keluarga OKT iaitu ibu atau bapa atau adik-beradik OKT. Alasan permohonan dibuat sebegitu sebagaimana berikut ;

1. Kes melibatkan OKT ini di bawah seksyen 25 EKJS (Takzir) Trg 2001 iaitu Persediaan Melacurkan Diri dan adalah satu kategori kes yang serius.
2. OKT bukan berasal dari negeri Terengganu, yang mana alamat di dalam KP OKT ialah di Johor dan mengikut kenyataan OKT beliau tinggal di Klang, Selangor.
3. OKT didapati tidak mempunyai saudara mara di negeri Terengganu ini.

Pihak Pendakwa memohon kepada Mahkamah agar kes OKT ini ditetapkan tarikh untuk sebutan semula dan sementara menanti tarikh itu, OKT dilepaskan dengan jaminan sebagaimana yang dimohon di atas.

Setelah mendengar rayuan OKT berhubung dengan tawaran jaminan, Mahkamah membuat pertimbangan dengan terlebih dahulu menetapkan tarikh yang akan datang adalah sebagai tarikh sebutan semula, untuk memberi peluang OKT mendapatkan apa-apa nasihat tentang kesnya, juga peluang untuk OKT mendapatkan khidmat mana-mana Peguam Syari'e untuk mewakilinya. Mahkamah memberikan penjelasan sewajarnya kepada OKT tentang perkara itu.

Seterusnya, Mahkamah memerintahkan OKT dilepaskan dengan jaminan wang RM 3000.00 dan 2 (dua) orang penjamin, yang mana salah seorang penjamin hendaklah dari ahli keluarga terdekat OKT iaitu ibu atau bapa atau adik-beradik OKT. Tarikh sebutan semula kes ditetapkan pada 26 September 2018 jam 9.00 pagi.

[Tarikh kes kali kedua] – kes didengar kali kedua untuk sebutan pada 26 September 2019, hari Rabu, jam 9.30 pagi di Dewan 2, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu. OKT hadir dan Pendakwa Syar'ie memaklumkan bahawa OKT hadir dari Lokap Polis kerana ditahan setelah gagal menyelesaikan jaminan terdahulu dan memaklumkan juga prosiding hari ini adalah untuk kes didengar untuk kali kedua, bagi dibacakan pertuduhan ke atas OKT.

Seterusnya kata-kata tuduhan telah dibaca kepada OKT dan OKT telah membuat pengakuan bersalah. Mahkamah terlebih dahulu memberi penjelasan kepada OKT berkenaan dengan kesalahan dan kesan apa-apa pengakuan yang dibuat dan bagi memberi ruang dan peluang OKT benar-benar memahami dan mendapatkan apa-apa nasihat dan rujukan dari mana-mana pihak untuk kes ini. Seterusnya fakta kes telah dibentangkan kepada OKT untuk direkodkan pengakuan, dan OKT telah membuat pengakuan bersetuju dengan fakta kes dan mengakuinya adalah benar. OKT juga telah membuat pengecaman terhadap beberapa barang kes yang telah disita semasa tangkapan itu dilakukan. Oleh itu, setelah Mahkamah berpuashati dengan pengakuan-pengakuan OKT itu, Mahkamah telah sabitkan OKT bersalah dengan kesalahan perbuatan sebagai persediaan melacurkan diri di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Takzir (Terengganu) 2001 (Pindaan 2017).

Mahkamah terlebih dahulu memberi peluang kepada OKT sama ada ingin meneruskan proses rayuan hukuman (mitigasi) pada hari ini atau ditangguhkan kepada tarikh lain, yang mana OKT boleh lebih bersedia dan juga melantik peguam bagi proses rayuan hukuman itu. Setelah kes di "*stand down*" sementara,

dimaklumkan ada Peguam yang bersedia mewakili OKT di peringkat rayuan peringanan hukuman dan seterusnya, dan wakalah Peguam Syari'e baru sahaja dilafazkan. Peguam Syari'e iaitu Encik Fazru Anuar bin Yusof dari Tetuan Khairul Sofian Anuar & co. hadir. Peguam OKT memohon kepada Mahkamah untuk menangguhkan prosiding kepada tarikh lain untuk membuat persediaan bagi proses rayuan hukuman (mitigasi) bagi pihak OKT.

Mahkamah berpendapat bagi memberikan keadilan kepada pihak OKT dan juga memberi peluang kepada OKT membuat apa-apa persediaan untuk proses rayuan peringanan hukuman (mitigasi) kesnya, Mahkamah terlebih dahulu menangguhkan prosiding kes hari ini dan telah menetapkan tarikh sebutan semula kes pada 03 Oktober 2018 dan sementara menanti tarikh sebutan semula kes, Mahkamah memerintahkan OKT dilepaskan dengan jaminan yang sama iaitu wang RM 3,000 dan 2 orang penjamin yang mana salah seorang adalah dari kalangan ahli keluarga OKT. OKT juga gagal menjelaskan jaminan tersebut.

[Tarikh kes kali ketiga] – kes didengar kali ketiga untuk sebutan pada 03 Oktober 2019, hari Rabu, jam 9.30 pagi di Dewan 2, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu. OKT hadir dan Pendakwa Syar'ie memaklumkan bahawa OKT dibawa dari Lokap Polis kerana masih gagal menyelesaikan jaminan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

Peguam OKT mohon agar syarat jaminan dapat dilonggarkan yang mana penjamin boleh dari kalangan mana-mana individu bukan dari kalangan ahli keluarga OKT. Setelah Mahkamah berpendapat OKT gagal memberikan suatu alasan yang wajar atas permohonannya itu, Mahkamah telah menolak permohonan tersebut dan perintah jaminan adalah kekal sebagaimana yang telah diperintahkan. Mahkamah menangguhkan prosiding kes hari ini dan telah menetapkan tarikh sebutan semula kes pada 10 Oktober 2018 dan sementara menanti tarikh sebutan semula kes, Mahkamah memerintahkan OKT dilepaskan dengan jaminan yang sama iaitu

jaminan wang RM 3,000 dan 2 orang penjamin. OKT juga gagal menjelaskan jaminan tersebut.

[Tarikh kes kali keempat] – kes didengar untuk kali keempat bagi proses rayuan peringanan hukuman (mitigasi) dan juga hujah pihak Pendakwaan, pada hari ini 10 Oktober 2018, hari Rabu, jam 9.30 pagi di Dewan 2, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu. OKT hadir bersama Peguam Syari'nya dan pendakwaan diwakili Tuan Muhamad Khasmizan bin Abdullah Pendakwa Syari'e dari Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu, dan kedua-dua pihak beritahu bersedia untuk prosiding kes diteruskan.

Mahkamah meneruskan prosiding dengan mengarahkan OKT melalui Peguamnya membuat rayuan hukuman (mitigasi) dan Peguam OKT telah membuat rayuan hukuman itu secara lisan dan bertulis di dalam Mahkamah dan direkodkan oleh Mahkamah. Seterusnya Mahkamah meneruskan prosiding dengan mengarahkan pihak Pendakwaan mengemukakan hujah pihak Pendakwaan dan Pendakwa Syari'e telah membuat hujahan pemberatannya secara lisan dan juga bertulis di dalam Mahkamah ini.

Seterusnya, Mahkamah telah mengarahkan kes ditangguhkan sementara dalam masa setengah jam untuk mahkamah membuat penilaian dan pertimbangan ke atas Rayuan peringanan kes oleh OKT dan juga hujah pemberatan kes oleh Pendakwaan. Seterusnya prosiding kes dibuka semula pada jam 11.00 pagi untuk penghakiman dan hukuman ke atas OKT.

[**ISU PERSOALAN PERTAMA** – Bidangkuasa Mahkamah] – [Mengikut Hukum Syara']. Mahkamah menegaskan bahawa, "*Perbuatan Sebagai Persediaan Melacurkan Diri*" adalah suatu perbuatan atau tindakan yang menyalahi syariat Allah S.W.T dan ia adalah suatu perkara mungkar yang diharamkan dalam agama Islam bahkan termasuk dalam kategori dosa-dosa besar yang amat dimurkai oleh

Allah S.W.T. Perbuatan tersebut merupakan suatu penyimpangan dari ajaran Islam dan Hukum yang ditetapkan oleh Allah. Firman Allah S.W.T di dalam surah al-Ahzab ayat 36 yang berbunyi ;

ترجمه: "Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada Hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata".

Terjemahannya; "Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada Hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata".

Bidangkuasa Mahkamah adalah amat penting untuk diambil perhatian kerana isu bidangkuasa satu-satu Mahkamah juga sebenarnya telah lama disentuh oleh perundangan Islam atau Hukum Syara' dan sebenarnya telah menjadi sebahagian dari Hukum Syara' itu sendiri. Antaranya sebagaimana dinyatakan oleh Muhammad Salam Madkur di dalam kitabnya berjudul *al-Qada' fi Islam*, terbitan Matba'ah al-^cAlamiyyah, Kaherah, 1994, yang mana pada halaman 54 beliau menyebut ;

هو أن يخص ولي الأمر القاضي عند تقليده القضاء أو بعد ذلك بنوع معين من القضايا ، كالأحوال الشخصية ، أو المدني ، أو التجارى ، أو الجنائي الى غير ذلك ، فلا يصح له أن ينظر في نوع آخر غيره

Yang bererti : "Bidang kuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidang kuasa ke atas seseorang hakim semasa perlantikan hakim itu atau selepas perlantikan di buat dengan menentukan bahawa hakim itu mempunyai bidang kuasa tertentu sahaja seperti diberi bidang kuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; Oleh yang demikian, Hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang ianya diberi bidang kuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa yang tidak diberikannya.

[Mengikut Undang-undang] – Perlembagaan Persekutuan antara lain telah memperihalkan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Perlembagaan Persekutuan juga telah memperuntukkan status Mahkamah Syariah; iaitu Mahkamah yang diletakkan di bawah bidangkuasa Negeri. Fasal 2 kepada Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:-

Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

Jadual Kesembilan, Senarai (2) Perlembagaan Persekutuan Butiran (1), memperuntukkan :-

1. Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang-orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak....., mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; *keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah syar'iah, yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan*; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.

Mengikut peruntukan Hukum Syara' dan bidangkuasa yang diberi oleh undang-undang bertulis, jelaslah bahawa Pemerintah diberi kuasa mengkhususkan kuasa Hakim, termasuk Hakim Syarie atau Mahkamah yang mana diketuai oleh seseorang Hakim itu. Mengenai persoalan ini bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah telah diperuntukkan di dalam subseksyen 11(3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

Kes Kesalahan Persediaan Melacurkan Diri yang dibawa di hadapan Saya ini adalah di bawah bidangkuasa Jenayah Mahkamah Tinggi Syariah. Perkara ini telah diperuntukkan di dalam seksyen 11 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan ;

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

(a) Dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuatkuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Seterusnya, kesalahan yang dilakukan ialah kesalahan, "*Persediaan Melacurkan Diri*", yang mana Enakmen kesalahan Jenayah Syariah Ta'zir (Terengganu) Bil. 7/2001 telah memperuntukkan perbuatan tersebut sebagai satu kesalahan di bawah seksyen 25 yang berbunyi ;

Persediaan melacurkan diri

30. mana-mana orang perempuan yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan dirinya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Mengikut Undang-Undang juga, Saya berpuashati bahawa kes yang disebut dan didengar di hadapan Saya ini adalah kes yang diklasifikasikan sebagai *kes kesalahan boleh tangkap* sebagaimana diperuntukkan di dalam subseksyen 2 (1) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001, Enakmen Terengganu Bil. 5 Tahun 2001, telah memberikan tafsiran berkanun mengenai jenis kesalahan tersebut iaitu ; *“Kesalahan Boleh Tangkap”*; iaitu *sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau lebih yang baginya pada lazimnya Pegawai Penguatkuasa Syariah atau Pegawai Polis boleh menangkap tanpa waran*. Hal ini bertepatan dengan kesalahan di bawah seksyen 25 Enakmen kesalahan Jenayah Syariah Ta’zir (Terengganu) Bil. 7/2001 ini, yang mana ianya memperuntukkan hukuman penjara maksima tidak melebihi 3 tahun, iaitu termasuk dalam maksud ayat *“...boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tiga tahun atau.....”*.

Dari peruntukan Enakmen Terengganu Bil. 3 Tahun 2001 dan Enakmen Terengganu Bil. 7 Tahun 2001 itu, jelaslah bahawa kes yang dibawa di hadapan Saya ini adalah di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah sebagai bidangkuasa asalnya yang mana dalam bidangkuasa jenayah boleh menjatuhkan hukuman maksima denda RM 5000 atau 3 tahun penjara atau 6 sebatan. Manakala Mahkamah Rendah Syariah hanya mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan kes yang hukumannya dengan denda tidak melebihi RM 3000 atau penjara tidak melebihi tempoh 2 tahun sebagaimana diperuntukkan dalam sek. 12 Enakmen 3/2001 yang sama.

Mahkamah Tinggi Syariah juga bidangkuasanya adalah merangkumi seluruh kawasan dan melangkau sempadan seluruh daerah negeri Terengganu dan juga mempunyai bidangkuasa asal Mahkamah itu sendiri sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang. Berdasarkan kata-kata tuduhan dan fakta kes yang dikemukakan oleh pihak Pendakwa, Saya berpuashati bahawa kesalahan yang

dilakukan oleh OKT ini adalah dilakukan di bilik No. XXX, Duyong Marina & Resort, Pulau Duyong, 21300, Kuala Terengganu, Terengganu. Oleh itu, Saya berpuashati bahawa kes yang dibawa ke hadapan Saya ini adalah kes di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dan Mahkamah ini adalah berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskannya dan sekaligus menjawab isu persoalan yang pertama.

[ISU PERSOALAN KEDUA] – Seterusnya Mahkamah melihat kepada *Kesalahan Persediaan Melacurkan Diri dan elemen–elemen yang perlu dibuktikan wujud untuk disabitkan kesalahan ke atas OKT. [Pertama]*, Mahkamah perlu melihat kepada maksud kesalahan itu sendiri, untuk menentukan apakah sesuatu tuduhan yang dikemukakan ke atas seseorang OKT menepati dengan fakta dan kejadian.

[KATA-KATA TUDUHAN KE ATAS OKT] - Pertuduhan ke atas OKT ialah bagi Kesalahan Perbuatan Sebagai Persediaan Melacurkan Diri di bawah seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan jika disabitkan, boleh dikenakan hukuman mengikut di bawah seksyen yang sama, iaitu boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau dikenakan sebat tidak melebihi 6 sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Berikut adalah kata-kata tuduhan ke atas OKT ;

Kata-kata tuduhan ke atas OKT berbunyi :-

“Bahawa kamu pada tarikh 19.9.2018, jam lebih kurang 11.00 malam hingga 11.45 malam bertempat di bilik No. XXX, Duyong Marina & Resort, Pulau Duyong, Kuala Terengganu, Terengganu didapati melakukan satu perbuatan sebagai Persediaan Untuk Melacurkan Diri Dengan Menawarkan Khidmat Seks Kepada Seorang Lelaki. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama”.

Mengikut undang-undang, tidak terdapat tafsiran secara spesifik yang diperuntukkan di dalam subseksyen 2 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 tentang Kesalahan Sebagai Persediaan Untuk Melacurkan Diri. Seksyen 25 Enakmen yang sama hanya memperuntukkan tentang kesalahan tersebut sahaja tetapi tidak menghurai atau memperincikan apa-apa elemen kesalahan itu sendiri, tidak sebagaimana peruntukan kesalahan Khalwat di bawah seksyen 31 (a) dan (b) Enakmen yang sama. Oleh itu, di sini Saya membuat pentafsiran maksud kesalahan tersebut mengikut Undang-undang dan Hukum Syara' serta elemen-elemen yang diperlukan untuk membolehkan sesuatu kesalahan itu disabitkan ke atas mana-mana OKT yang dituduh di bawah seksyen tersebut.

Seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Ta'zir (Terengganu) Bil. 7/2001 adalah berbunyi seperti berikut ;

Persediaan melacurkan diri

30. mana-mana orang perempuan yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan dirinya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

[**MAKSUD KESALAHAN**] - (*Perbuatan Sebagai Persediaan Melacurkan diri*).

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat (2010) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur ;

“Perbuatan”- Segala yang dibuat, kerja, tindakan

“Sebagai Persediaan”- “ – Hal keadaan perlakuan atau perbuatan yang menggambarkan sebagai menyediakan, persiapan.

“Melacurkan”- “Lacur” – Melacur, melakukan persetubuhan secara haram dengan tujuan mencari wang dsb (biasanya perempuan); menjual kehormatan, menyundal.

“Melacurkan” – Menjadikan sebagai pelacur. “Pelacur” – orang yang melacur atau yang melacurkan diri.

“ *Diri* ” – Di sini adalah individu yang bermaksud melacurkan dirinya sendiri bukan orang lain.

Justeru itu, *Perbuatan sebagai Persediaan Melacurkan Diri* ditakrifkan sebagai “keadaan perlakuan atau perbuatan yang menggambarkan sebagai menyediakan atau persiapan untuk melakukan persetubuhan secara haram atau menjual kehormatan diri sendiri dengan tujuan mencari wang atau habuan” atau dengan makna yang lebih detail iaitu “perbuatan menyediakan diri untuk melakukan persetubuhan secara haram atau menjual kehormatan diri bagi tujuan untuk mendapatkan wang atau apa-apa habuan” dan dalam dunia semasa lebih dikenali ramai dengan istilah Pelacuran.

Berdasarkan kepada pengertian secara *harfiyyah* kesalahan sebagaimana di atas, Mahkamah membuat huraian berhubung dengan beberapa ayat dalam peruntukan seksyen 25 tersebut iaitu ;

Peruntukan ayat “*Mana-mana orang perempuan...*” memberi maksud mana-mana individu atau manusia yang jantinya adalah perempuan. Perkataan “*orang perempuan*” dalam peruntukan itu juga telah mengeluarkan dari takrif kesalahan tersebut apabila dilakukan oleh seorang lelaki, pondan/maknyah, khunsa dan selainnya yang mana jika dilakukan oleh mereka-mereka itu, perbuatan tersebut tidak termasuk dalam kesalahan Perbuatan Sebagai Persediaan Melacurkan Diri di bawah seksyen 25 ini.

Seterusnya, ayat “*...melakukan...*”- Menjalankan, membuat, mengerjakan iaitu memberi maksud usaha yang dibuat itu adalah untuk melakukan sesuatu.

Melalui peruntukan ayat “*...apa-apa perbuatan...*” memberi maksud apa-apa bentuk usaha atau tindakan yang dibuat atau dilakukan,

Peruntukan ayat “*..Sebagai Persediaan...*” memberi maksud hal keadaan perlakuan atau perbuatan yang menggambarkan sebagai menyediakan, persiapan.

Peruntukan ayat “..untuk melacurkan diri...” memberi maksud melakukan persetubuhan secara haram atau menjual kehormatan diri sendiri dengan tujuan mencari wang atau apa-apa habuan. Peruntukan ayat itu juga telah mengeluarkan dari takrif kesalahan tersebut apabila perbuatan itu dilakukan bukan untuk mendapatkan wang atau sesuatu habuan seperti melakukan persetubuhan haram atau perzinaan secara sukarela atau sekadar suka-suka melakukannya.

Berdasarkan kepada pengertian literal perkataan-perkataan dan ungkapan tersebut di atas, saya berpendapat bahawa, maksud terminologi kepada sebagai Persediaan Melacurkan Diri adalah, “*Suatu tindakan (action) yang dibuat oleh seseorang yang jantainya adalah perempuan, yang mana tindakan yang dilakukan itu adalah merupakan suatu persediaan untuk dia melakukan hubungan seks/persetubuhan secara haram atau menjual kehormatan dirinya, dan dilakukan bagi tujuan untuk mendapatkan wang atau apa-apa habuan lain*”. Justeru itu, apa-apa sahaja perbuatan atau tindakan yang dilakukan oleh seorang perempuan yang boleh dihubungkan dengan maksud di atas adalah dianggap sebagai suatu persediaan untuk melacurkan diri.

Di dalam penghakiman ini, Mahkamah menegaskan bahawa perbuatan “*Melacur*” atau “*Persediaan Untuk Melacurkan Diri*”, adalah suatu perbuatan atau tindakan yang menyalahi syariat Allah S.W.T dan ia adalah suatu perkara mungkar yang diharamkan dalam agama Islam bahkan termasuk dalam kategori dosa-dosa besar yang amat dimurkai oleh Allah S.W.T. Pelacuran adalah perbuatan atau pekerjaan yang keji kerana mencari pendapatan atau hasil dengan melakukan perkara yang diharamkan oleh Allah S.W.T iaitu dengan cara menjual kehormatan diri atau melakukan hubungan seks atau persetubuhan secara yang diharamkan.

Mengikut Islam, pelacuran adalah termasuk salah satu dari perbuatan zina kerana zina itu bermaksud setiap hubungan seksual (persetubuhan) antara lelaki dan perempuan yang tidak terikat oleh perkahwinan yang sah dan dilakukan secara

sengaja, dan adalah sama halnya dengan pelacuran. Perbuatan zina atau persetubuhan haram itu sendiri adalah maksiat dan mungkar yang dilaknat oleh Allah S.W.T, apatah lagi menjadikannya sebagai satu pekerjaan dan sumber pendapatan, yang mana hasil pendapatan dari perbuatan itu semestinya adalah pendapatan yang HARAM.

Berkenaan dengan pengharaman perbuatan Zina, ia adalah sesuatu yang dimaklumi secara jelas, bahkan semua agama adalah mengharamkan perbuatan zina kerana ianya membawa berbagai-bagai kemudharatan dan kerosakan kepada diri, keluarga, bangsa dan juga negara. Di dalam surah al-Furqan, Allah S.W.T. telah menggambarkan bahawa perbuatan Zina itu amatlah besar kemurkaan Allah dan balasan dosa ke atas pelakunya, dengan meletakkan kesalahan Zina sebaris dengan dosa-dosa besar yang lain seperti menyekutukan Allah S.W.T dengan yang lain, membunuh jiwa-jiwa tanpa hak yang dibenarkan oleh Allah dan sebagainya. Firman Allah S.W.T :

والذين لا يدعون مع الله الها آخر , ولا يقتلون النفس التي حرم الله الا بالحق , ولا يزنون , ومن يفعل ذلك يلق أثاما . يضاعف له العذاب يوم القيامة , ويخلد فيه مهانا
الا من تاب ...

Maksudnya : *“Dan mereka yang tidak menyembah Tuhan yang lain beserta Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan yang hak (benar), dan tidak berzina. Dan barangsiapa yang berbuat yang demikian, maka dia akan mendapat balasan dosa. Nanti akan dilipatgandakan siksaan baginya pada hari kiamat, dan dia akan kekal di dalamnya dalam keadaan terhina. Kecuali orang yang mahu bertaubat kepada Allah....”*

Oleh kerana itulah, Allah S.W.T telah memerintahkan kepada umat manusia supaya jangan mendekati dan menghampiri perbuatan Zina dan larangan itu adalah dalam bentuk *perintah yang wajib* mengikut Hukum Syara'. Sebagaimana firmanNya di dalam surah al-Isra' ayat 32 ;

ولا تقربوا الزنى إنه كان فحشة وساء سبيلا

Maksudnya : “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)”.

Justeru itu, sebagaimana murkanya Allah S.W.T kepada perbuatan Zina, begitulah juga dengan perbuatan menghampiri perbuatan Zina juga dimurkai oleh Allah S.W.T. Bahkan lebih amat besar lagi kemurkaan Allah S.W.T apabila manusia menjadikan perbuatan yang dimurkai dan dilaknat olehNya itu sebagai satu pekerjaan atau sumber hasil pendapatan iaitu pelacuran, dan begitulah juga dengan Perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri.

[Kategori kesalahan Perbuatan Sebagai Persediaan Melacurkan Diri mengikut Hukum Syara'] - Mengikut ajaran Islam, terdapat tiga bentuk atau bahagian jenayah, iaitu qisas, hudud dan takzir. Setiap bahagian ada hukuman-hukumannya yang telah diberi panduan oleh Syarak dan dihuraikan oleh ulamak. Apa yang membezakan antara satu bahagian jenayah dengan jenayah yang lain ialah nas Syarak dan tafsiran ulamak mengenai dengannya. Hukuman ada kalanya dikenakan hudud, qisas, kaffarah, diyah atau takzir. Berkenaan dengan perkara Ta'zir, di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* di dalam bab kitab *al-Aysribah Fasl al- Ta'zir* halaman 522 jilid kelima ada dinyatakan nas-nas berikut ;

(يعزر في كل معصية لا حد لها ولا كفارة) سواء أكانت حقا لله تعالى أم لأدمي ، وسواء أكانت من مقدمات ما فيه حد كمباشرة أجنبية في غير الفرج ، وسرقة ما لا قطع فيه، والسب بما ليس بقذف أم لا كالتزوير وشهادة الزور والضرب بغير حق ونشوز المرأة ومنع الزوج حقها مع القدرة.

Terjemahannya ; “Dikenakan hukuman ta'zir ke atas semua maksiat (kesalahan) yang tiada hukuman Hadd dan Kaffarah, sama ada kesalahan tersebut adalah Hak Allah atau hak manusia, sama ada kesalahan tersebut merupakan mukaddimah kepada kesalahan yang padanya hukuman Hadd seperti menggauli perempuan ajnabi selain dari faraj, mencuri sesuatu yang tidak dikenakan Hadd potong tangan, mencela sesuatu yang tidak termasuk

dalam Qazaf seperti pemalsuan, kesaksian palsu, memukul secara tanpa hak, seorang suami tidak menunaikan hak isteri sedangkan dia adalah mampu”.

Berdasarkan kepada nas-nas Syara’ di atas, Saya berpuashati bahawa *Kesalahan Perbuatan Sebagai Persediaan Melacurkan Diri* ini adalah jenayah dalam kategori takzir kerana tidak ada peruntukan pembalasan had dan kaffarah yang dikenakan ke atas pelaku perbuatan tersebut.

Mahkamah menegaskan sekali lagi bahawa **Pelacuran atau Persediaan Untuk Melacurkan Diri adalah kesalahan yang berat dan besar mengikut Hukum Syara’**. Justeru kerana perbuatan itu adalah suatu kesalahan dan dosa yang besar mengikut Hukum Syara’, dan balasan ke atas pelakunya juga adalah berat, maka bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan hukumannya adalah hanya diberikan kepada Mahkamah Tinggi Syariah sahaja. Ini kerana kesalahan ini memperuntukkan hukuman maksima bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah itu sendiri iaitu denda tidak melebihi RM 5000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun penjara atau sebatan tidak melebihi 6 kali sebatan, atau mana-mana kombinasi hukuman tersebut, dan dianggap sebagai suatu kesalahan yang berat atau besar dalam Jenayah Syariah.

Bagi menguatkan kenyataan di atas, Mahkamah dapati, di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Takzir Terengganu 2001/pindaan 2017 hanya terdapat 7 jenis kesalahan sahaja yang diperuntukkan hukuman sebat dan salah satunya ialah Kesalahan Sebagai Persediaan Melacurkan Diri dan kesemuanya adalah di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah. Justeru itu, adalah suatu yang relevan kes-kes ini diletakkan di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah kerana ia melibatkan suatu kesalahan yang besar/berat serta memperuntukkan hukuman yang juga berat, yang mana Mahkamah Tinggi Syariah adalah Mahkamah yang lebih kompeten, justeru menempatkan Hakim yang telah berpengalaman luas dalam proses perundangan dan kehakiman, bagi tujuan kewajaran pensabitan dan hukuman sesuatu kes ke atas orang kena tuduh. Perkara ini adalah sama

sebagaimana amalan di Mahkamah Sivil, yang mana terdapat kesalahan-kesalahan tertentu yang hanya di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Sivil antaranya kesalahan yang memperuntukkan hukuman mati seperti kesalahan membunuh, memiliki senjata api, mengedar dadah dan seumpamanya.

Walaupun begitu, di bawah seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Terengganu 2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 yang sama, Mahkamah menegaskan juga, untuk mensabitkan kesalahan tersebut ke atas mana-mana orang yang kena tuduh, beberapa elemen khusus kesalahan dimasukkan dan hendaklah dibuktikan wujud sebagaimana yang dinyatakan di dalam seksyen itu.

Kedua; Mahkamah perlu melihat kepada elemen-elemen utama kesalahan - Bagi pertuduhan kesalahan sebagai Persediaan Untuk Melacurkan Diri ke atas OKT ini, Saya berpendapat ada EMPAT (4) elemen utama yang perlu dijelaskan dalam kesalahan ini untuk dapat disabitkan seseorang OKT dengan kesalahan di bawah seksyen 25 ini iaitu ;

1. *OKT adalah perempuan;*
2. *Wujud perbuatan yang dimaksudkan sebagai persediaan;*
3. *Perbuatan persediaan itu adalah berkaitan kesalahan untuk melacurkan;*
4. *Niat melakukan jenayah oleh OKT.*

Bagi maksud meneliti wujud atau tidak elemen-elemen kesalahan di atas tadi, Mahkamah merujuk kepada fakta kes yang telah dibentangkan oleh pihak Pendakwaan (P2), Berikut adalah fakta-fakta ringkas kes OKT yang telah dikemukakan oleh pihak Pendakwa dan telah diakui setuju dan benar oleh OKT iaitu :-

Bertindak atas maklumat maklumat pelacuran, pada 19.9.2018 jam lebih kurang 11.45 malam, satu serbuan telah dilakukan oleh pengadu dan beberapa orang rakan setugas di bilik No. XXX, Duyong Marina & Resort, Pulau Duyong, Kuala Terengganu, Terengganu. Hasil serbuan, pihak Penguatkuasa Syariah berjaya menahan seorang perempuan yang menjalankan aktiviti pelacuran

berada bersama dengan seorang pelanggan di dalam bilik tersebut. Soal siasat dijalankan mendapati, mereka telah berada dalam bilik tersebut lebih kurang jam 11.00 malam hingga serbuan dibuat, siasatan juga mendapati perempuan tersebut menawarkan aktiviti urutan dan khidmat seks dengan bayaran antara RM200.00 hingga RM1000.00 untuk satu malam. Sebagai pendahuluan, bayaran bilik hotel telah dibuat oleh pihak pelanggan untuk mendapatkan khidmat tersebut. Mereka ditangkap dan dibawa ke Pejabat Agama Daerah Kuala Terengganu untuk tindakan lanjut. Terdapat beberapa barang yang dirampas untuk dijadikan barang kes.

Keterangan diri tertuduh sebagaimana berikut : -

Nama Perempuan : XXXX
 KP : 730308-01-XXXX
 Alamat : No. XX, Lorong XX, 25150
 Kuantan, Pahang
 Umur : 45 tahun
 Pekerjaan : Model
 Status : Janda

Seterusnya pihak Pendakwa telah mengemukakan 8 (lapan) *barang kes* milik OKT yang disita ketika tangkapan. Lapan (8) Barang kes milik OKT, iaitu ;

1. Satu helai coli warna merah milik OKT - P3
2. Sehelai seluar dalam wanita warna pink milik OKT – P4
3. Satu (1) botol minyakurut jenama sunflower milik OKT – P5
4. Satu (1) unit hp jenama Asus milik OKT – P6
5. Satu (1) unit hp jenama Vivo milik OKT – P7
6. Satu (1) gel pelincir (intimate lube) jenama durex play milik OKT – P8
7. Satu (1) gel pelincir (Classic) jenama durex play milik OKT – P9
8. Tiga (3) keeping kondom jenama durex play (belum digunakan) milik OKT – P10

Kelapan-lapan barang kes tersebut di atas telah dibuat pengecaman oleh OKT dan telah diakui benar bahawa barang-barang itu adalah miliknya.

Mahkamah melihat kepada Elemen Pertama Kesalahan yang perlu dijelaskan iaitu, *Adakah OKT adalah perempuan?*. Menjawab kepada elemen ini, di dalam fakta

pertuduhan, dikatakan bahawa OKT adalah memiliki jantina sebagai seorang perempuan berdasarkan kepada catatan yang dinyatakan di dalam Kad Pengenalan OKT yang dikemukakan kepada Mahkamah, yang tertulis dengan jelas bahawa pemiliknya adalah PEREMPUAN. Mahkamah juga dapati, sepanjang prosiding kes ini berjalan, tidak ditimbulkan sebarang bantahan atau keraguan berhubung status OKT yang mana jantainya bukan perempuan, dan OKT telah membuat pengakuan mengenai fakta ini. Sekiranya ada apa-apa bantahan dari OKT berhubung dengan status jantina mereka, satu testimoni perubatan yang disahkan oleh pakar perubatan perlu dikemukakan ke Mahkamah. Oleh itu, di atas pengakuan OKT berkenaan pertuduhan dan fakta kes, *Saya berpuashati bahawa OKT, adalah memiliki jantina sebagai seorang perempuan dan sekaligus menjawab wujudnya Elemen Pertama bagi kesalahan ini.*

Seterusnya, *Elemen Kedua Kesalahan* dalam pertuduhan ini mengikut pendapat saya ialah, *Apakah wujud perbuatan yang dimaksudkan sebagai percubaan melakukan sesuatu kesalahan?*. Berdasarkan kepada petikan fakta kes (P2) yang telah diakui benar oleh OKT iaitu ;

“....Hasil serbuan, pihak penguatkuasa Syariah berjaya menahan seorang perempuan yang menjalankan aktiviti pelacuran berada bersama dengan seorang pelanggan di dalam bilik tersebut. Soal siasat dijalankan mendapati, mereka telah berada dalam bilik tersebut lebih kurang jam 11.00 malam hingga serbuan dibuat.....”.

Mahkamah menegaskan bahawa perbuatan OKT, dengan berada hanya berdua sahaja dengan pelanggannya di dalam bilik hotel tersebut sejak jam 11.00 malam sehinggalah serbuan dibuat pada jam 11.45 malam, sedangkan OKT dan pelanggannya itu tidak mempunyai apa-apa hubungan yang mengharuskan atau membolehkannya berada dalam keadaan seperti itu, adalah suatu percubaan oleh OKT untuk melakukan sesuatu perbuatan yang tertentu. Dengan fakta bahawa pengakuan OKT kepada Mahkamah bahawa OKT cuba untuk melakukan sesuatu

yang dilarang dalam Agama dengan pasangan atau pelanggannya, *Saya berpuashati bahawa suatu percubaan untuk melakukan sesuatu perbuatan/kesalahan telah pun dilakukan dan sekaligus menjawab wujudnya Elemen Kedua bagi kesalahan dalam kes ini.*

Seterusnya, Elemen Ketiga Kesalahan dalam pertuduhan ini ialah *Perbuatan Sebagai Persediaan itu adalah untuk melakukan kesalahan berkaitan pelacuran.* Berdasarkan kepada petikan fakta kes (P2) yang telah diakui benar oleh OKT iaitu ;

“.....Soal siasat dijalankan mendapati, mereka telah berada dalam bilik tersebut lebih kurang jam 11.00 malam hingga serbuan dibuat, siasatan juga mendapati perempuan tersebut menawarkan aktiviti urutan dan khidmat seks dengan bayaran antara RM200.00 hingga RM1000.00 untuk satu malam. Sebagai pendahuluan, bayaran bilik hotel telah dibuat oleh pihak pelanggan untuk mendapatkan khidmat tersebut. Mereka ditangkap dan dibawa ke Pejabat Agama Daerah Kuala Terengganu untuk tindakan lanjut. Terdapat beberapa barang yang dirampas untuk dijadikan barang kes”.

Mahkamah menegaskan bahawa Perbuatan OKT yang menawarkan khidmat urutan dan juga khidmat seks dengan bayaran antara RM200.00 hingga RM1000.00 untuk satu malam itu, dan pembayaran pendahuluan bilik hotel telah dibuat oleh pelanggan untuk mendapatkan khidmat tersebut, adalah sebagai satu *qarinah* yang menunjukkan bahawa perbuatan sebagai persediaan yang hendak dilakukan oleh OKT dengan pasangan/pelanggannya ialah perbuatan atau kesalahan pelacuran iaitu memberikan khidmat seks dengan sesuatu bayaran.

Mahkamah percaya beberapa barang kes seperti coli (P3) dan seluar dalam perempuan (P4) (yang diakui milik OKT), yang ditemui di tempat kejadian itu menjadi suatu *qarinah* bahawa ianya telah ditanggalkan dari tubuh OKT dalam persediaan pelacuran tersebut, dan tidak sempat untuk dipakai semula olehnya kerana serbuan secara tiba-tiba oleh pihak Penguatkuasa Agama. Manakala satu (1) gel pelincir (*intimate lube*) jenama durex play milik OKT (P8), satu (1) gel pelincir

(Classic) jenama durex play milik OKT (P9) dan tiga (3) keping kondom jenama durex play (belum digunakan) milik OKT (P10) (yang semua itu diakui milik OKT) yang juga ditemui ditempat kejadian, Mahkamah menegaskan sememangnya tujuan alat tersebut direka dan dipasarkan adalah untuk kegunaan aktiviti seksual seperti melakukan hubungan seks dan sebagainya. Justeru itu, Mahkamah percaya bahawa gel-gel milik OKT itu adalah menjadi *qarinah* bahawa ianya bertujuan digunakan dalam pelakuan hubungan seksual oleh OKT dengan pelanggannya dalam kesalahan persediaan pelacuran itu.

Dengan fakta bahawa pengakuan OKT secara sukarela kepada Mahkamah bahawa OKT cuba untuk melacurkan dirinya atau melakukan hubungan seks dengan pelanggannya dengan adanya suatu bayaran, *Saya berpuashati bahawa suatu Perbuatan Sebagai Persediaan Untuk Melakukan Kesalahan Melacurkan Diri telah pun dilakukan oleh OKT dan sekaligus menjawab wujudnya Elemen Ketiga bagi kesalahan dalam kes ini.*

Elemen Keempat Kesalahan yang perlu dijelaskan ialah, *niat jenayah oleh OKT tersebut semasa melakukan perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri?*. Dalam sistem perundangan jenayah, prinsip amnya adalah seseorang itu tidak dikatakan bersalah terhadap sesuatu jenayah melainkan dibuktikan kesalahannya tanpa sebarang keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*). Prinsip ini disebut di dalam bahasa Latin sebagai, "*actus non facit reum nisi mens sit rea*". Ianya bermaksud, bahawa *sesuatu tindakan itu tidak akan menjadikan seseorang itu bersalah kerana melakukan sesuatu jenayah melainkan di dalam fikirannya itu juga turut mempunyai niat yang salah*. Satu lagi prinsip penting dalam liabiliti kesalahan jenayah adalah *acta exteriora indicant interiora secreta* yang bererti, "*setiap seorang itu dianggap berniat terhadap kesan biasa daripada tindakannya*" atau dalam ungkapan ringkas bermaksud "*perbuatan melambangkan niat*". Dalam perlakuan jenayah, kedua-dua unsur *mens rea* dan *actus reus* perlulah wujud secara serentak. Berdasarkan kepada elemen-elemen


pertama, kedua & ketiga tersebut di atas juga, Saya berpuashati dan berpendapat bahawa dua unsur kesalahan mengikut prinsip perundangan jenayah Sivil, "*mens rea*" iaitu niat melakukan kesalahan dan "*actus reus*" iaitu perlakuan atau perbuatan salah adalah wujud dalam perlakuan atau perbuatan kedua-dua OKT dalam jenayahnya.

Mahkamah berpendapat bahawa kesempurnaan *Elemen Keempat* ini berlaku apabila seseorang itu *sengaja melakukan perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri*, sedangkan dia mengetahui bahawa apa yang dilakukan olehnya itu adalah perkara yang diharamkan dalam Agama Islam. Jika seseorang itu sengaja melakukan perbuatan tersebut sedangkan dia tidak mengetahui tentang hukum haramnya, maka dia tidak akan dikenakan pembalasan atas perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri yang dilakukan kerana di dalam tindakannya itu tidak terdapat sifat sengaja walaupun berpunca dari kecuaiannya. Justeru itu, sekiranya ada dakwaan tidak tahu tentang hukum dibuat oleh mana-mana orang, suatu penyiasatan dan pembuktian yang wajar perlu dibuat.

Di dalam kes ini, Mahkamah juga melihat kepada fakta bahawa OKT adalah orang Melayu yang beragama Islam yang berusia 45 tahun lebih, yang mana OKT berdasarkan Kad Pengenalan adalah beralamat di negeri Johor namun dalam keterangannya kepada Mahkamah sekarang ini dia menetap di Klang, Selangor, dan OKT dengan secara sedar dan sengaja telah berada bersama atau berkurung dengan pelanggan/pasangan di dalam sebuah bilik hotel, dan cuba untuk melakukan perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri tersebut. Dengan fakta bahawa pengakuan OKT secara sukarela kepada Mahkamah bahawa OKT cuba untuk melakukan persediaan untuk melacurkan diri, ***Saya berpuashati bahawa wujud niat jenayah oleh OKT tersebut semasa Melakukan Perbuatan Sebagai Persediaan Untuk Melacurkan Diri dan menjawab wujudnya Elemen Keempat bagi kesalahan dalam kes ini.***

Oleh itu, berdasarkan kepada elemen-elemen yang dinyatakan di atas yang wujud dalam perlakuan dan perbuatan OKT semasa ditangkap dan, melalui pengakuan OKT sendiri secara sukarela di dalam Mahkamah, *Saya berpuashati bahawa dengan wujud keempat-empat elemen tersebut di atas, telah menunjukkan dengan jelas bahawa perbuatan OKT dalam keadaan sedemikian adalah sebenarnya melakukan kesalahan Sebagai Persediaan untuk melacurkan diri di bawah seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariaah Takzir Terengganu 2001*. Keadaan perlakuan OKT itu telah menjadi satu *qarinah* atau fakta yang berkaitan yang menunjukkan kepada wujudnya perbuatan tersebut dengan sebenarnya.

[ISU PERSOALAN KETIGA] – Seterusnya Mahkamah melihat kepada *Kaedah pensabitan kesalahan melalui pengakuan bersalah OKT* - Sabitan di dalam kes OKT ini adalah berdasarkan *iqrar*. Saya berpendapat adalah perlu dijelaskan sabitan ke atas pertuduhan mengikut *iqrar* OKT. *Iqrar* adalah merupakan salah satu cara pembuktian yang terkuat dalam Hukum Syara'. Tidak terdapat perselisihan pendapat di kalangan ahli-ahli perundangan Islam (*fuqaha'*) mengenainya. Ianya sabit berdasarkan nas al-Qur'an dan al-Sunnah. Antaranya firman Allah S.W.T. dalam ayat 135 dari surah al-Nisa' :



Yang bermaksud : “Wahai orang-orang yang beriman ! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekali pun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu..”

Yang dimaksudkan dengan kesaksian ke atas diri kamu sendiri di dalam ayat di atas itulah *iqrar*. *Iqrar* mengikut Hukum Syara' sebagaimana yang disebut oleh Zainuddin al-Malibariy dalam kitab *I'anat al-Talibin*, yang mana selesai dikarang keseluruhannya pada 23 Syawal 1300, juzuk ketiga, halaman 187 ada menyebut ;

هو لغة الاثبات وشرعا اختيار الشخص بحق عليه ويسمى اعترافا

Yang bererti ; *“Iqrar dari segi bahasa bererti mensabitkan, manakala mengikut syarak diertikan sebagai memberitahu hak seseorang atas diri pemberitahu itu. Iqrar disebut juga sebagai iktiraf’.*

Al-Shaykh Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Sharbini al-Khatib, meninggal dunia dalam tahun 977 Hijriyyah, di dalam kitabnya, *Mughni al-Muhtaj*, jilid kedua, pada halaman 238 menyebut ;

واركانه اربعة مقر ومقر له وصيغة ومقر به

Yang bererti ; *“Rukun iqrar itu ada empat perkara iaitu muqirrun (orang yang melafazkan iqrar), muqarrun lahu (orang/pihak yang diberikan iqrar untuknya oleh pembuat iqrar), sighthah (ucapan atau kata-kata iqrar), dan muqirrun bihi (hak atau kepentingan yang diiktiraf oleh orang yang beriqrar).”*

Manakala di dalam Seksyen 17, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan ;

- (1) *Iqrar ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.*
- (2) *Sesuatu iqrar hendaklah dibuat -*
 - (a) *di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau*
 - (b) *di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang 'aqil, baligh dan 'adil.*
- (3) *Sesuatu iqrar yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah qarinah.*

Di dalam kes di hadapan Saya ini, sebelum Mahkamah menerima apa-apa *iqrar* atau pengakuan salah dari OKT, perkara-perkara berikut bagi OKT hendaklah dan telah diberi pertimbangan dengan sewajarnya oleh Mahkamah, sebagaimana berikut ;

[Pertama]; - Setelah selesai Pegawai Mahkamah membaca kata-kata tuduhan ke atas OKT, OKT membuat pengakuan dengan jelas bahawa dia faham akan kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atas dirinya. Mahkamah mencelah sama ada pada

ketika ini, OKT sihat atau tidak. OKT menjelaskan bahawa dia seorang yang sihat dan waras fikiran. Mahkamah mencelah lagi dengan meminta penjelasan daripada OKT, apakah yang dia faham mengenai kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya?. OKT menjelaskan bahawa dia dituduh telah melakukan satu kesalahan sebagai Persediaan Untuk Melacurkan Diri. Sekali lagi Mahkamah mencelah untuk memastikan bahawa OKT faham akan kata-kata tuduhan ke atasnya dan sekali lagi OKT dengan terang tanpa mengambil masa yang panjang mengaku faham akan kata-kata tuduhan ke atasnya itu.

Keadaan ini menunjukkan bahawa OKT telah membuat pengakuan secara lisan, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap Pemerintah melalui Pegawai Pendakwa Syarie (yang memperuntukkan melalui undang-undang bahawa adalah satu *Kesalahan Bagi Perbuatan Sebagai Persediaan Untuk Melacurkan Diri*) dengan sesuatu hak iaitu dituduh telah melakukan satu kesalahan itu. Pengakuan secara lisan OKT itu dibuat di dalam Mahkamah iaitu Mahkamah Tinggi Syariah di Kuala Terengganu pada 26 September 2018, dan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, iaitu Saya sendiri. Oleh yang demikian, Saya berpuashati bahawa rukun *iqrar* sebagaimana kehendak Hukum Syarak dan peruntukan seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 telah disempurnakan. *Oleh yang demikian, pada peringkat kata-kata tuduhan, yang mengandungi butir-butir kesalahan, dibaca ke atas OKT, Saya berpuashati bahawa OKT faham akan tuduhan yang dikenakan ke atasnya.*

[Kedua]; - Setelah Pegawai Mahkamah bertanya kepada OKT sama ada; OKT tidak mengaku salah, atau minta dibicarakan atau mengaku salah. OKT dengan terang dan nyata mengaku salah. Mahkamah mencelah dengan meminta penjelasan daripada OKT, apakah yang dia faham mengenai mengaku salah ke atas kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya. OKT menjelaskan bahawa dia mengaku salah di atas tuduhan ke atasnya bahawa dia telah dituduh melakukan satu

Kesalahan Sebagai Persediaan Untuk Melacurkan Diri. Sekali lagi Mahkamah mencelah untuk memastikan bahawa OKT faham akan pengakuan salahnya itu, dan sekali lagi OKT dengan terang tanpa mengambil masa yang panjang mengaku faham dan bersalah di atas kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya itu.

Keadaan ini juga menunjukkan bahawa OKT telah membuat pengakuan secara lisan, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap Pemerintah melalui Pegawai Pendakwa Syariah (yang memperuntukkan melalui undang-undang bahawa adalah satu *Kesalahan Bagi Perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri*) dengan sesuatu hak iaitu dituduh telah melakukan satu kesalahan *Perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri*. Pengakuan secara lisan OKT itu dibuat di dalam Mahkamah iaitu Mahkamah Tinggi Syariah di Kuala Terengganu pada 26 September 2018, dan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, iaitu Saya sendiri. Oleh yang demikian, Saya berpuashati bahawa rukun *iqrar* sebagai mana kehendak Hukum Syarak dan peruntukan seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 telah disempurnakan.

Oleh yang demikian, pada peringkat mendapat kepastian daripada OKT sama ada OKT tidak mengaku salah, atau minta dibicarakan atau mengaku salah dengan kata-kata tuduhan, yang mengandungi butir-butir kesalahan, telah dibaca ke atas OKT, *Saya berpuashati bahawa OKT mengaku salah di atas tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya itu.*

[Ketiga]; - Setelah itu, Pegawai Mahkamah menjelaskan kepada OKT, bahawa atas pengakuan salahnya itu OKT boleh dikenakan hukuman didenda tidak melebihi RM 5,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau dikenakan sebat tidak melebihi 6 sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu mengikut peruntukan di bawah seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. OKT dengan terang membuat pengakuan bahawa dia tetap mengaku salah di atas tuduhan ke atasnya sebagaimana yang telah dibaca

sebenarnya. Mahkamah mencelah, sama ada OKT telah diugut atau diberi apa-apa janji oleh orang tertentu atau oleh mana-mana pihak supaya membuat pengakuan bersalah ini. OKT menjelaskan kepada Mahkamah bahawa pengakuan bersalah yang dibuat olehnya ini adalah secara sukarela tanpa diugut atau diberi apa-apa janji oleh mana-mana pihak. Mahkamah sekali lagi mencelah, sama ada OKT telah diajar oleh orang tertentu, misalnya Pegawai Penguatkuasa atau oleh mana-mana pihak supaya membuat pengakuan bersalah ini. OKT menjelaskan kepada Mahkamah bahawa pengakuan bersalah yang dibuat olehnya ini adalah secara sukarela tanpa diajar supaya mengaku salah oleh mana-mana pihak.

Keadaan ini menunjukkan bahawa OKT telah membuat pengakuan secara lisan, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap Pemerintah melalui Pegawai Pendakwa Syariah (yang memperuntukkan melalui undang-undang bahawa adalah satu *Kesalahan Bagi Perbuatan Sebagai Persediaan Untuk Melacurkan Diri*) dengan sesuatu hak iaitu dituduh telah melakukan satu kesalahan yang mana OKT boleh dikenakan hukuman dengan denda tidak melebihi RM 5,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau dikenakan sebat tidak melebihi 6 sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu mengikut peruntukan di bawah seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. Pengakuan bersalah yang dibuat oleh OKT ini adalah secara sukarela tanpa diajar supaya mengaku salah oleh mana-mana pihak. Pengakuan secara lisan OKT itu dibuat di dalam Mahkamah iaitu Mahkamah Tinggi Syariah di Kuala Terengganu pada 26 September 2018, dan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, iaitu Saya sendiri. Oleh yang demikian, Saya berpuashati bahawa rukun *iqrar* sebagaimana kehendak Hukum Syarak dan peruntukan seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 telah disempurnakan.

Kesemua *Iqrar* yang dibuat oleh OKT ini, pada pendapat Saya hendaklah diterima, kerana tidak ada alasan yang membolehkan *iqrar* itu tidak boleh diterima. *Iqrar* yang tidak boleh diterima mengikut Hukum Syarak telah pun *ditaqin* di dalam undang-undang. Ianya adalah sebagaimana diperuntukkan di dalam seksyen 18 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Seksyen 18 Enakmen Terengganu Bil. 6 Tahun 2001 itu memperuntukkan ;

(1) *Iqrar* yang berikut tidak boleh diterima :

- (a) *iqrar* seseorang yang tidak 'aqil baligh;
- (b) tertakluk kepada subseksyen (2), *iqrar* orang belum dewasa;
- (c) *iqrar* orang gila atau orang terencat akal (*ma'tuh*);
- (d) *iqrar* wali atau penjaga yang dibuat bagi pihak seseorang yang di bawah jagaan atau tanggungjawabnya;
- (e) *iqrar* yang tidak dibuat secara sukarela; atau
- (f) *iqrar* seseorang yang dihalang di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk mentadbirkan hartanya (*Mahjur 'alaih*)

Mahkamah berpuashati bahawa OKT mengaku salah adalah secara sukarela, tanpa diugut dan tanpa diajar oleh mana-mana orang, di atas tuduhan yang dikenakan ke atasnya setelah diterangkan kepadanya akibat dari pengakuan salahnya. Berkait dengan penerimaan *iqrar*, Saya merujuk satu kes yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah Negeri Sembilan. Walaupun kes yang dirujuk ini adalah mengenai kes mal, iaitu mengenai mensabitkan perceraian, tetapi asas penerimaan *iqrar* ada dibangkitkan di dalam kes itu. Dalam kes *Mustafa bin Batcha lawan A. Habeeba* JH [1412], 255, Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah Negeri Sembilan antara lain berpendapat ;

“Walaupun *iqrar* merupakan salah satu cara pembuktian yang terkuat dalam Hukum Syara' tetapi sebelum *iqrar* tersebut diterima ianya hendaklah dipastikan yang ianya dilakukan oleh orang yang berakal, *baligh* di dalam kebanyakan kes, *mumayyiz*, dilakukan secara sukarela, sedar, tanpa ugutan, desakan dan paksaan, bersungguh-sungguh dan tiada tohmah dalam perkara yang di *iqrarkan*. Dalam hubungan ini, Mahmasani menyatakan bahawa *iqrar*

hendaklah dilakukan secara *mutlaq* tanpa syarat, ikatan atau kait mengait dengan perkara lain. Jika ianya dikaitkan dengan perkara lain dan tidak *mutlaq* sebahagian ulama berpendapat bahawa *iqrar* tersebut tidak sah. (*Subhi al-Mahmasani, Falsafah al-Tasyri' fi al-Islam*, Dar al-Kasyaf, Beirut, tahun 1952, halaman 233)."

Setelah Mahkamah meminta pengakuan daripada OKT mengenai ***Fakta-Fakta Ringkas Kes (P2)***, yang telah dikemukakan secara lisan oleh Pegawai Pendakwa Syarie, iaitu sama ada fakta-fakta ringkas kes yang telah dikemukakan itu benar, betul dan dipersetujui oleh OKT atau tidak, OKT dengan jelas membuat kenyataan bahawa fakta-fakta ringkas kes tersebut sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Pendakwa Syarie adalah benar, betul dan dipersetujui oleh OKT serta diakui benar oleh OKT.

Sekali lagi, OKT membuat *iqrar* mengakui bahawa ***Fakta-Fakta Ringkas Kes*** yang telah dikemukakan oleh Pendakwa Syarie adalah benar, betul dan dipersetujui oleh OKT dan juga diakui benar oleh OKT.

Seterusnya, Mahkamah juga meminta pengakuan daripada OKT mengenai 8 (lapan) barang kes yang melibatkan OKT, yang telah dirampas pada masa kejadian dan, telah dikemukakan oleh Pegawai Pendakwa Syarie, iaitu sama ada barang-barang kes tersebut adalah dicamkan benar, betul dan dipersetujui oleh OKT atau tidak. OKT dengan jelas membuat pengakuan bahawa barang-barang kes tersebut sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Pendakwa Syarie adalah dicamkan benar, betul dan dipersetujui oleh OKT serta diakui benar oleh OKT. Seterusnya kesemua 8 (lapan) barang kes OKT itu ditandakan sebagai Eksibit P3 – P10.

Setelah ***Ketiga-tiga Elemen Kesalahan*** ke atas OKT sebagaimana di atas diberi pertimbangan oleh Mahkamah, Mahkamah berpuashati mengenai perkara-perkara berikut :-

1. bahawa OKT faham pertuduhan ke atas dirinya ;

2. bahawa OKT faham keadaan dan akibat pengakuan salah yang dibuat oleh dirinya itu ;
3. bahawa pertuduhan ke atas OKT, ada diperuntukkan mengenai kesalahannya dari segi undang-undang ; dan
4. bahawa fakta-fakta ringkas kes yang dikemukakan oleh Pendakwa Syarie telah pun dipersetujui oleh OKT dan juga pengecaman oleh OKT terhadap 8 (lapan) barang-barang kes yang berkaitan dengan kesalahan OKT, menunjukkan ada terdapatnya kesalahan yang telah dilakukan oleh setiap OKT.

Justeru itu, berdasarkan kepada kesemua tatacara yang dilakukan di atas dalam mengambil pengakuan dari OKT, **Mahkamah berpuashati dan merekodkan pengakuan salah OKT, dan dengan yang demikian, OKT disabitkan atas kesalahan telah melakukan satu Kesalahan Perbuatan Sebagai Persediaan Untuk Melacurkan Diri** yang mana boleh dikenakan hukuman dengan denda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau dikenakan sebat tidak melebihi 6 sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu mengikut peruntukan di bawah seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. Mahkamah berpuashati bahawa peruntukan subseksyen 96 (a) dan 96 (b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 berkenaan proses bicara telah dipatuhi sepenuhnya.

[ISU PERSOALAN KEEMPAT] – Seterusnya Mahkamah melihat kepada *faktor-faktor pemberatan dan peringanan dalam menjatuhkan hukuman ke atas OKT* - Mengenai hukuman ke atas OKT, Mahkamah mengambil kira beberapa faktor yang berkait dengan kesalahan OKT dan rayuan peringanan hukuman (*mitigation*) OKT serta hujah atau ulasan berkenaan kesalahan OKT dari pihak Pegawai Pendakwa Syarie. Terdapat berbagai-bagai faktor yang perlu dan boleh diambilkira oleh Mahkamah dalam menjatuhkan sesuatu hukuman ke atas mana-mana pesalah sama

ada dengan meringankan hukuman atau memberatkannya. Faktor-faktor tersebut sama ada melibatkan jenis kesalahan itu sendiri dan tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan itu, latarbelakang dan keadaan diri pesalah, akibat kesalahan yang dilakukan kepada diri dan masyarakat, kepentingan umum, peluang yang boleh diberikan kepada pesalah untuk mengubah dan membaiki diri, kesalahan yang keberapa kali dan sebagainya. Bagi maksud menjawab isu keempat ini, perkara-perkara berikut diambil perhatian dan dilaksanakan ;

[Pertama] ; Mahkamah melihat kepada rayuan peringanan hukuman (*Mitigation*) oleh OKT - Mahkamah semasa dalam prosiding kes berjalan dan sebelum sebarang hukuman dijatuhkan ke atas setiap OKT, telah memberikan peluang kepada OKT untuk membuat apa-apa rayuan bagi maksud peringanan terhadap hukuman yang akan dijatuhkan oleh Mahkamah ke atasnya. OKT telah membuat rayuan bagi maksud tersebut melalui Peguam Syarienya Encik Fazrul Anuar bin Yusof & Puan Ummu Abihah binti Roslan dari Tetuan Khairul Sofian & co., yang mana Peguam hanya mula mewakili OKT/Pesalah ini pada 03 Oktober 2018 iaitu semasa kes di peringkat untuk rayuan peringanan hukuman ke atas OKT/Pesalah. Peguam membuat rayuan peringanan hukuman secara bertulis dan juga secara lisan di dalam Mahkamah sebagaimana berikut ;

Beberapa isu utama dalam rayuan peringanan terhadap hukuman (*Mitigation*) oleh OKT/Pesalah melalui Peguam Syarienya :

OKT/Pesalah melalui Peguam Syarienya memohon agar Mahkamah dapat memberikan pertimbangan yang semaksima mungkin terhadap hukuman yang akan oleh Mahkamah ke atasnya dengan beberapa alasan antaranya ;

1. Mohon Mahkamah memberikan pertimbangan dalam menjatuhkan hukuman ke atas OKT?. Melihat kepada pengakuan salah OKT/Pesalah. Pengakuan oleh Pesalah ini secara tidak langsung telah menjimatkan masa serta kos banyak pihak terutamanya pihak Mahkamah, saksi-saksi yang akan dipanggil

oleh pihak Pendakwa sekiranya diteruskan dengan perbicaraan atau sebagainya ;

2. Mohon Mahkamah mempertimbangkan hukuman berdasarkan latarbelakang OKT/Pesalah. Kesusahan yang terpaksa ditanggung oleh OKT/Pesalah sepertimana yang dinyatakan oleh beliau pada hari perbicaraan jelas menunjukkan bahawa dengan hanya hukuman berbentuk denda sahaja, OKT/Pesalah sudah merasakan kepayahan untuk menjelaskannya dan berdasarkan kepada kesusahan tersebut, kami berpendapat adalah memadai jika sekiranya Mahkamah yang mulia menjatuhkan hukuman takzir berbentuk denda ke atas beliau. Berikut latar belakang OKT/Pesalah :
 - i) Beralamat di XXX, Apartment XXXX, Pendamaran Klang, Selangor.
 - ii) Tidak mempunyai pekerjaan tetap. Pernah berniaga nasi lemak.
 - iii) OKT terpisah dari adik-beradik sejak kecil. Sejak berumur setahun beliau diberi kepada ibu angkat bernama Kamariah Hj Ansari.
 - iv) Ibu angkat telah meninggal dunia pada tahun 2016.
3. Mohon Mahkamah memberikan pertimbangan kerana OKT/Pesalah telah pun sedar, insaf dan bertaubat di atas kesalahannya itu. OKT di dalam kes ini telah pun menyatakan bahawa beliau telah pun sedar dan bertaubat daripada perbuatannya sebelum ini dan berjanji tidak akan mengulangi lagi kesalahan tersebut. OKT juga telah mengambil iktibar daripada peristiwa hitam yang berlaku di dalam hidupnya sebelum ini dan berusaha untuk menjadi seorang muslimah yang lebih baik dengan memperbanyakkan amalan ibadat.
4. OKT/Pesalah mohon hukuman ke atasnya dengan dihantar ke pusat pemulihan/perlindungan. Adalah lebih baik Mahkamah yang mulia mengarahkan OKT **ditahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor selama tempoh beberapa bulan** supaya beliau dapat mengukuhkan lagi kefahamannya berkaitan dengan hukum-hakam dan juga cabang ilmu-ilmu Islam yang lain.

5. Mohon kepada Mahkamah, sekiranya OKT bakal dijatuhi hukuman pemenjaraan, hukuman terhadap OKT hendaklah dikira bermula dari tarikh penahanan iaitu pada 20.09.2018 hingga kini.
6. Mohon Mahkamah agar dapat memberikan pertimbangan yang sebaik mungkin ke atas OKT/Pesalah berdasarkan sepanjang prosiding kes ini berjalan.

(Dalam pemerhatian Mahkamah semasa Peguam Syarie membuat rayuan peringanan hukuman, OKT/Pesalah berada di dalam kandang Pesalah kelihatan dalam keadaan sentiasa tunduk, berkeadaan sedih dan kelihatan reaksi atau tanda seumpama insaf atas apa yang telah berlaku).

Mahkamah sekali lagi memberi peluang kepada OKT/Pesalah sendiri untuk membuat atau menyatakan apa-apa sebagai rayuan kerana peluang rayuan masih diberikan. OKT/Pesalah mengulangi perkara yang sama supaya hukuman terhadapnya diringankan dan tidak dipenjarakan. Mahkamah bertanyakan kepada OKT/Pesalah secara *inquisitorial* bagi mendapatkan gambaran dan hal keadaan Pesalah serta memastikan keadilan diberikan kepada OKT/Pesalah. Ini kerana Mahkamah dapati, maklumat dalam rayuan peringanan hukuman yang dibuat melalui peguam tadi berkenaan latar belakang OKT/Pesalah adalah berbeza dengan kenyataan OKT/Pesalah sendiri semasa sebutan kes dan juga kenyataan kepada PPS sebelum ini, yang mana OKT/Pesalah mempunyai 3 (tiga) beradik, status janda dan tidak pernah dinyatakan ada keluarga angkat sahaja.

Peguam Syarie menyatakan tidak ada makluman mengenai perkara itu dan apa yang dikemukakan hanyalah melalui keterangan OKT/Pesalah sendiri sahaja kerana tiada ahli keluarga yang hadir sepanjang prosiding kes. Mahkamah dapati jawapan dari OKT/Pesalah terhadap soalan Mahkamah secara *inquisitorial* mengenai latar belakang dirinya tidak konsisten dan kurang meyakinkan. OKT/Pesalah menjelaskan kepada Mahkamah bahawa OKT/Pesalah berasal dari Johor dan

sekarang tinggal di Kelang, Selangor dan telah bercerai dengan suami. OKT/Pesalah buat kerja sendiri dan kerja secara *part time*. OKT/Pesalah beritahu datang ke Kuala Terengganu, Terengganu adalah untuk perkhidmatan yang dilakukan ini (seks), keluarga tidak tahu masa itu dan tahu selepas kena tangkap. OKT/Pesalah beritahu, hari ini tidak ada ahli keluarga yang hadir kerana ada masalah hubungan dalam keluarga, manakala ibu dan bapa dah meninggal dunia. OKT/Pesalah mohon pertimbangan Mahkamah dan beritahu itu sahaja rayuan darinya.

[Kedua] ; Mahkamah seterusnya melihat kepada hujah pihak pendakwaan bagi maksud pemberatan atau kewajaran apa-apa hukuman ke atas OKT/Pesalah.

Pendakwa juga berhujah secara bertulis dan juga secara lisan di dalam Mahkamah untuk menegaskan seriusnya kes OKT/Pesalah, di mana antara komentar dan hujahan pihak Pendakwa Syarie ialah :

1. Kes ini adalah melibatkan perbuatan sebagai Persediaan Untuk Melacurkan Diri dan bahawa pertuduhan dan kesalahan yang dilakukan oleh OKT itu adalah di bawah seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Takzir (Terengganu) 2001, yang mana merupakan satu kesalahan yang sangat serius berdasarkan bidangkuasa dan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan ini. Hukuman yang ditetapkan bagi kesalahan ini juga merupakan takat maksima bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah yang ditetapkan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965;
2. Bahawa jenis kesalahan yang dilakukan oleh OKT/Pesalah ini merupakan satu perbuatan yang bukan sahaja melanggar peruntukan di bawah seksyen 25 EKJS (Terengganu) 2001, tetapi ianya juga adalah merupakan satu perbuatan yang diharamkan secara jelas oleh Allah S.W.T. Perkara ini berdasarkan kepada larangan yang jelas oleh Allah S.W.T di dalam surah an-Nur, ayat 33 berikut ;

3. Bahawa perbuatan pelacuran ini adalah sama seperti perbuatan zina yang merupakan salah satu dari dosa-dosa besar, yang amat buruk dan keji.

Allah S.W.T berfirman di dalam al-Qur'an surah al-Isra' ayat 32 berbunyi;



Maksudnya: *"Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk"*.

4. Bahawa ikrar pengakuan salah adalah sabitan yang paling kuat dan tidak patut dijadikan satu faktor untuk meringankan hukuman di dalam kes ini, yang mana sekiranya perkara ini diambilkira sebagai faktor peringanan, dibimbangi tiada lagi rasa tanggungjawab di dalam diri seorang muslim dalam melafazkan sesuatu ikrar, sebaliknya akan mengambil peluang untuk mengaku bersalah di dalam Mahkamah semata-mata untuk mendapatkan hukuman yang ringan. adalah suatu perbuatan yang bertentangan dengan normal dan fitrah kejadian manusia sebagaimana yang dicitptakan oleh Allah S.W.T.

5. Bahawa aktiviti atau perbuatan pelacuran akan memberi kesan yang buruk sama ada kepada diri OKT/Pesalah dan juga kepada masyarakat. Antara kesan-kesan dari aktiviti pelacuran sebagaimana berikut ;

1. Penyakit berjangkit seperti herpes, siflis, Aids dan HIV,
2. Mengalami penyakit mental dan psikologi,
3. Risiko mengandung anak luar nikah,
4. Berlakunya pembuangan bayi,
5. Pengambilan kepada dadah seperti pil khayal dan *ecstasy*,
6. Menjatuhkan maruah keluarga dan masyarakat,
7. Menyebabkan terbentuk masyarakat yang tidak bermoral,
8. Masalah sosial semakin meningkat.

Pendakwa juga berhujah secara lisan untuk menegaskan seriusnya kes OKT/Pesalah ini, dengan merujuk kepada fakta kes yang telah diakui benar dan barang-barang yang telah dicamkan oleh OKT/Pesalah, bahawa OKT/Pesalah dengan sengaja melakukan perbuatan ini berdasarkan kepada beberapa fakta berikut;

- i. Tempat OKT/Pesalah ditangkap iaitu di dalam bilik XXX, Duyong Marina & Resort, merupakan sebuah hotel atau penginapan yang bertaraf empat bintang.
- ii. Bayaran yang dikenakan antara RM200.00 hingga RM1000.00 untuk satu malam.
- iii. Barang kes khususnya P8, P9 dan P10 dengan jelas menunjukkan kesengajaan OKT/Pesalah untuk melakukan perbuatan pelacuran.
- iv. Umur OKT/Pesalah 45 tahun adalah satu faktor yang lagi memberatkan kes ini, kerana di peringkat usia sebegini sepatutnya OKT/Pesalah sudah benar-benar dapat membuat penilaian mana yang baik dan halal atau sebaliknya.

Pendakwa Syarie juga membuat perbandingan terhadap hukuman-hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Sivil di mana Mahkamah tersebut telah menjatuhkan hukuman yang agak berat seperti penjara sehingga 6-12 bulan walaupun kesalahan yang dilakukan itu kadang-kadang dilihat atau anggap kecil seperti kesalahan mencuri barangan atau duit yang sekadar bernilai belasan atau puluhan ringgit dengan alasan kesalahan tersebut mengganggu ketenteraman awam.

Di akhir penghujahannya, Pendakwa mohon OKT/Pesalah dijatuhkan hukuman yang boleh menyedarkan dan memberi peringatan sampai bila-bila bukan sahaja kepada OKT/Pesalah sendiri bahkan masyarakat awam supaya lebih berhati-hati untuk tidak terjebak dalam kesalahan yang sama ini. Pendakwa memohon supaya OKT/Pesalah dikenakan hukuman yang sewajarnya dengan tidak diketepikan

hukuman penjara dan sebatan ke atas OKT. Berhubung dengan cadangan dan permohonan OKT/Pesalah agar dihantar ke Pusat Perlindungan Wanita, Pendakwa menyerahkan perkara tersebut kepada pertimbangan dan budibicara Mahkamah untuk memutuskannya berdasarkan kewajaran kes OKT/Pesalah ini. Pendakwa juga menyatakan, kelihatan Pesalah/OKT seumpama sedar dan menyesal atas perbuatannya itu, walaupun begitu hakikat sebenar belum dapat dipastikan. Justeru itu, Pendakwa mohon satu hukuman berat dijatuhkan ke atas OKT/Pesalah.

[**Ketiga**] ; - *Faktor-faktor peringanan kes/hukuman* – Seterusnya Mahkamah melihat kepada faktor-faktor yang boleh diterima dan diberi pertimbangan sebagai suatu asas bagi peringanan hukuman ke atas OKT/Pesalah. Berdasarkan kepada fakta kes dan rayuan peringanan yang dibuat oleh setiap Pesalah, beberapa faktor yang boleh dan biasanya diambil kira serta diberi perhatian oleh Mahkamah bagi maksud peringanan hukuman yang akan dijatuhkan ke atas OKT/Pesalah dalam kes ini iaitu :

Faktor Peringanan Pertama : Pengakuan Bersalah OKT/Pesalah - Pengakuan bersalah atau *iqrar* yang dibuat oleh OKT/Pesalah memberikan satu gambaran atau *qarinah* kepada Mahkamah bahawa OKT/Pesalah benar-benar mengetahui dan memahami tentang kesalahan yang telah dilakukan dan juga menunjukkan OKT/Pesalah benar-benar sedar bahawa dirinya adalah bersalah kerana melakukan kesalahan tersebut. Sekiranya tidak wujud perkara tersebut, sudah tentu OKT/Pesalah tidak membuat pengakuan bersalah kerana implikasi dari pengakuan bersalah itu, OKT/Pesalah boleh dan akan dikenakan hukuman yang sewajarnya sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam undang-undang. Pengakuan bersalah OKT/Pesalah juga dilihat sebagai satu faktor peringanan kerana ia dapat membantu Hakim membuat keputusan dengan lebih yakin, menjimatkan masa Mahkamah dengan menjadikan pengendalian kes lebih singkat dan memberi

peluang kepada Pendakwa menumpukan perhatian kepada kes-kes yang lebih berat dan serius.

Walaupun begitu, Mahkamah ingin menyatakan bahawa pengakuan bersalah dalam kes-kes Jenayah Syariah terutama jenayah Hudud dan Qisas sebenarnya tidak memberikan apa-apa kesan dalam konteks peringanan hukuman ke atas pesalah, bahkan pengakuan salah adalah kaedah pembuktian yang terbaik dalam mensabitkan sesuatu kesalahan dan membuat hukuman. Ini kerana di dalam jenayah HUDUD ia melibatkan Hak ALLAH dan tidak ada budi bicara pertimbangan dalam hukuman tersebut tetapi boleh diketepikan apabila wujud keraguan. Manakala dalam jenayah QISAS pula ia melibatkan Hak HAMBAA dan belas ihsan dan pengampunan dari pihak atau keluarga pihak yang teraniaya itu akan diambilkira dalam melaksanakan hukuman.

Manakala jenayah takzir pula adalah merangkumi hak-hak Allah dan hak-hak hamba dan memperuntukkan hukuman yang tertentu dan juga tidak terhad, sebaliknya diberikan ruang kepada Pemerintah/pihak berkuasa untuk mengenakan hukuman yang sesuai kepada pesalah yang melakukan kesalahan setelah diambil kira beberapa faktor dan matlamat takzir itu sendiri. Oleh itu, pengakuan bersalah yang dibuat oleh OKT ini boleh diambil kira oleh Mahkamah ini untuk dijadikan satu asas bagi tujuan meringankan hukuman ke atas OKT/Pesalah dengan pandangan dan dapatan bahawa OKT benar-benar tahu dan sedar bahawa dirinya adalah bersalah kerana melakukan perbuatan yang diharamkan oleh Allah S.W.T.

Faktor Peringanan Kedua : Pernyataan Bertaubat – Saya dapati bahawa OKT/Pesalah semasa proses membuat rayuan peringanan hukuman (*mitigation*) melalui Peguam Syariinya adalah dalam keadaan yang lebih mirip kepada sikap bersedih dengan kejadian yang berlaku dan Mahkamah nampak riak wajah setiap OKT/Pesalah yang menggambarkan bahawa OKT/Pesalah seumpama telah merasa

sedar dan insaf serta bertaubat atas perbuatan salah yang telah dilakukan olehnya itu. Peguam Syarie OKT/Pesalah dalam rayuannya antara lain menyebut perkataan ;

“OKT telah menyesal atas perbuatannya itu dan dah bertaubat dan mohon hukuman ke atas OKT/Pesalah diringankan”

Begitu juga, Mahkamah dapati ada pernyataan melalui Peguam Syari'e OKT/Pesalah yang boleh menggambarkan maksud bahawa OKT/Pesalah benar-benar telah insaf dan bertaubat serta merasa teramat malu di atas perbuatan yang dilakukan itu. Begitu juga keadaan perwatakan OKT/Pesalah sepanjang prosiding kes berjalan selain semasa membuat rayuan peringanan hukuman, Saya dapati keadaan OKT/Pesalah secara zahirnya ada menampakkan bahawa OKT/Pesalah seumpama telah menginsafi akan kesalahannya itu. Oleh itu, Saya berpendapat faktor peringanan kedua ini perlu diberi penilaian dan dihalusi dengan sebaiknya untuk pertimbangan yang sewajarnya oleh Mahkamah ini bagi tujuan peringanan hukuman ke atas OKT/Pesalah.

Faktor Peringanan Ketiga : Kesalahan Kali Pertama – Saya berpuashati berdasarkan rekod Mahkamah sendiri dan tidak ada sebarang kenyataan dibuat oleh pihak Pendakwaan, bahawa kesalahan ini merupakan kesalahan yang pertama bagi OKT/Pesalah dari sudut OKT/Pesalah didakwa di Mahkamah dan disabitkan bersalah dengan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Takzir (Terengganu) (2001) atau mana-mana Undang-Undang Syariah bertulis yang lain. Fakta ini boleh membantu Mahkamah dalam mempertimbangkan hukuman ke atas OKT/Pesalah tersebut dengan mengambil kira bahawa OKT/Pesalah bukanlah seorang yang seringkali bergelumang dengan kesalahan dan maksiat dan kemungkinan untuk OKT/Pesalah memperbaiki kesilapan yang dilakukan olehnya itu adalah besar.

Dalam konteks jenayah Syariah HUDUD dan QISAS, kaedah kesalahan kali pertama tidak memberi apa-apa kesan dari sudut peringanan hukuman ke atas pelakunya

kerana hukumannya telah pun ditentukan kadarnya secara nas. Manakala dalam kes jenayah Takzir pertimbangan dan budi bicara pemerintah/pihak berkuasa diberikan seluasnya. Berdasarkan tiadanya rekod jenayah terdahulu oleh OKT/Pesalah tersebut, maka Mahkamah merekodkan bahawa OKT/Pesalah dalam kes ini bukanlah tergolong dari kalangan "*habitual offender*". Oleh itu, faktor kesalahan kali pertama boleh diberikan pertimbangan setakat mana OKT/Pesalah itu dalam pandangan Mahkamah boleh diberi peluang serta berpeluang untuk memperbaiki dan memperbetulkan syakhsiah dirinya, dan setakat mana OKT/Pesalah boleh mengambil pengajaran dari kesalahan pertama yang dilakukan dengan mengambilkira watak, latar belakang, umur, tahap kesihatan, hakikat berat atau ringannya sesuatu kesalahan tersebut.

Faktor Peringatan Keempat : Usia dan Taraf Perkahwinan – Saya dapati OKT dalam kes ini adalah dalam kategori wanita dewasa yang mana OKT/Pesalah 45 tahun. Status OKT/Pesalah adalah janda (berkahwin dan telah bercerai) ketika tangkapan dan juga semasa kes ini didengar. Oleh itu, OKT/Pesalah adalah seorang yang telah dewasa dan sepatutnya telah boleh membezakan di antara yang baik dengan yang buruk, positif dan negatif serta halal dan haram, yang mana di peringkat usia itu OKT/Pesalah telah melalui berbagai cabaran dan dugaan hidup terutama berkait dengan perasaan dan keinginan keremajaan serta dorongan seksualiti, lebih-lebih lagi OKT/Pesalah pernah mengharungi kehidupan berumahtangga sebelum ini. Di peringkat usia begini OKT/Pesalah masih terlibat dengan perbuatan yang tidak bermoral dan dengan statusnya sekarang ini, kemungkinan untuk OKT/Pesalah sekali lagi terlibat dengan perkara yang hampir sama adalah besar kerana keadaan persekitaran semasa yang ada kadang-kadang boleh mendorong ke arah itu, bahkan kemungkinan terdapat rakan-rakan dan kumpulan yang bergerak secara sembunyi dalam aktiviti pelacuran dengan berbagai-bagai cara dan modus operandi. Melainkan OKT/Pesalah dengan sebenar-

benar insaf dan bertaubat dan benar-benar berikrar tidak akan mengulangi perkara itu.

Faktor Peringatan Kelima : Taraf OKT di Mata Masyarakat – Saya dapati OKT sepanjang prosiding kes ini berjalan tidak menyatakan kepada Mahkamah secara lebih lanjut apakah kedudukan sosial OKT pada masa ini. Hal ini berkemungkinan OKT mahu menyembunyikan kedudukannya itu. OKT cuma pada peringkat rayuan peringanan melalui Peguamnya ada menyatakan tentang kerja yang pernah dibuat sahaja. Oleh itu, Saya berpendapat bahawa OKT/Pesalah sendiri tidak mahu mendedahkan kepada Mahkamah status sosial dirinya yang sebenar. Justeru itu, Saya berpendapat faktor ini tidak perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh Mahkamah dalam proses menjatuhkan hukuman ke atas OKT/Pesalah.


Faktor Peringatan Keenam : Kesan Hukuman Terhadap OKT/Pesalah – Oleh kerana OKT/Pesalah sendiri tidak menyatakan kepada Mahkamah secara jelas tentang status sosial dan latar belakang dirinya, Saya berpendapat bahawa OKT/Pesalah sebenarnya seolah-olah bersedia untuk menerima sebarang hukuman dari Mahkamah di atas kesalahan yang telah dilakukan olehnya itu. OKT/Pesalah bukanlah seorang Penjawat Awam atau Pekerja Swasta dengan mana-mana majikan, tiada kenyataan berkenaan anak bermakna OKT/Pesalah tidak mempunyai anak, dan apa-apa kenyataan atau fakta lain untuk pertimbangan Mahkamah. Apa yang menjadi perhatian utama Mahkamah dalam membuat hukuman ialah matlamat hukuman takzir iaitu untuk memberi kesedaran, keinsafan, pemulihan dan juga pencegahan boleh dicapai sama ada kepada OKT/pesalah itu sendiri secara khusus dan kepentingan awam yang lain secara umum.

Apa yang pasti, Mahkamah hendaklah memastikan bahawa hukuman ke atas OKT/Pesalah ini boleh menimbulkan satu perasaan gerun dan rasa berat bertanggung ke atas jiwa OKT/Pesalah yang boleh menyedarkannya dan dalam masa yang sama boleh mencegah serta menghalang OKT/Pesalah dari mengulangi

kesalahan yang serupa pada masa akan datang. Hukuman tersebut juga boleh memberikan kesan yang hampir sama kepada masyarakat Islam yang berada di dalam dewan Mahkamah ini pada hari ini dan juga yang berada di luar sana yang memerhatikan dan tahu tentang kes ini.

[Keempat] ; - *Faktor-faktor bagi pemberatan kes/hukuman* – Seterusnya Mahkamah melihat kepada faktor-faktor pemberatan kes berdasarkan kepada hujah pihak Pendakwa. Berikut beberapa faktor pemberatan kes atau hukuman berdasarkan penghujahan yang dibuat oleh pihak Pendakwa Syarie yang diberi perhatian oleh Mahkamah di dalam kes kedua-dua OKT/Pesalah ini iaitu :

Faktor Pemberatan Pertama - Mahkamah bersetuju dengan pandangan pihak Pendakwa Syarie dalam hujah pemberatan kes yang dikemukakan oleh pihaknya, bahawa kesalahan yang dilakukan oleh OKT itu adalah satu kesalahan yang berat dan satu perbuatan yang haram, dosa besar dan DILAKNAT oleh Allah S.W.T. Larangan berkaitan dengan melacurkan diri telah dinyatakan secara jelas di dalam nas-nas Syarak. Apa yang dimaksudkan dengan PERBUATAN SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK MELACURKAN DIRI dalam kes ini adalah perbuatan OKT untuk melakukan hubungan seksual dengan seorang lelaki atau pelanggannya tanpa apa-apa ikatan atau hubungan yang sah mengikut Hukum Syarak, dengan adanya bayaran sebagai imbalan dari perbuatan atau perkhidmatan seks yang diberikan oleh OKT. Mahkamah menegaskan bahawa perbuatan itu adalah termasuk dalam kategori salah satu dosa-dosa besar yang diharamkan dan amat dimurkai oleh Allah S.W.T. Di dalam surah an-Nur ayat 33, Allah S.W.T berfirman ;



Maksudnya :“.....dan janganlah kamu paksakan hamba-hamba perempuan kamu melacurkan diri mereka manakala mereka mahu menjaga kehormatannya, kerana kamu berkehendakkan

kesenangan hidup di dunia,. Dan sesiapa yang memaksa mereka, dan Allah – sesudah paksaan yang dilakukan kepada mereka – Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”.

Berdasarkan kepada ayat di atas, Mahkamah menegaskan bahawa Islam telah mengangkat martabat seorang wanita dengan melarang memaksa atau menyuruh wanita untuk melacurkan diri, walaupun wanita tersebut seorang hamba sahaya. Larangan di dalam ayat tersebut juga menunjukkan perbuatan tersebut adalah diharamkan oleh Allah S.W.T. Namun begitu, OKT/Pesalah di dalam kes ini adalah seorang yang merdeka dan tiada apa-apa paksaan yang memaksa dibuat ke atas dirinya supaya melacurkan diri, bahkan perbuatan tersebut dilakukan dengan keinginan dan kehendak dirinya sendiri.

Mahkamah juga bersetuju bahawa sebagai menunjukkan kesalahan perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri iaitu kesalahan yang dilakukan oleh OKT ini adalah suatu kesalahan yang besar dan berat mengikut Hukum Syarak dan undang-undang jenayah Syariah, kesalahan ini telah diperuntukkan di bawah seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Takzir (Terengganu) 2001, yang mana merupakan satu kesalahan yang sangat serius berdasarkan bidangkuasa dan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan ini. Hukuman yang ditetapkan bagi kesalahan ini merupakan takat maksima bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah yang ditetapkan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965.

Faktor Pemberatan Kedua - Mahkamah juga membenarkan hujah pihak Pendakwa Syarie bahawa perbuatan pelacuran atau persediaan untuk melacurkan diri yang dilakukan oleh OKT ini adalah sama seperti perbuatan zina atau persediaan untuk melakukan zina yang merupakan salah satu dari dosa-dosa besar, yang amat buruk dan keji. Allah S.W.T berfirman di dalam al-Qur'an surah al-Isra' ayat 32 berbunyi;



Maksudnya :*“Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk”.*

Di dalam kes ini, Mahkamah dapati OKT/Pesalah telah tidak mengendahkan larangan Allah S.W.T tersebut, malah OKT/Pesalah juga telah melakukan perbuatan yang dianggap melawan perintah dan hukum Allah S.W.T dengan cuba mendapatkan wang atau pendapatan dengan cara melakukan perbuatan yang diharamkan oleh Allah S.W.T tersebut iaitu perzinaan/melacurkan diri. Berdasarkan kepada fakta kes semasa tangkapan dibuat, Mahkamah berpendapat bahawa OKT/Pesalah adalah mempunyai motif untuk melakukan perbuatan yang dilarang oleh Allah S.W.T itu dan sekaligus mempunyai motif untuk melanggar larangan Allah S.W.T tersebut. Oleh yang demikian, hukuman kesalahan mengikut takzir adalah sangat patut dikenakan ke atas OKT.

Faktor Pemberatan Ketiga : Mahkamah mengambil kira hujah pemberatan hukuman ke atas OKT oleh pihak Pendakwa berdasarkan fakta perlakuan kesalahan yang telah dilakukan oleh OKT. Berdasarkan kepada fakta kes kesalahan OKT ini, terdapat beberapa perkara yang boleh dianggap salah satu faktor menjadikan kes ini adalah satu kes yang berat dan amat serius iaitu : di mana dalam fakta kes ada menyatakan bahawa :

- i. **Waktu kejadian**- kejadian berlaku pada waktu menghampiri tengah malam iaitu lebih kurang dari jam 11.00 malam hingga jam 11.45 malam, yang mana pada waktu tersebut kebiasaan orang ramai ialah bersiap-siap diri untuk rehat dan tidur setelah penat seharian dengan bekerja. Dalam waktu sebegitu, OKT/Pesalah dengan berani mengambil peluang dengan melakukan perbuatan yang dilarang oleh agama dengan pasangan atau pelanggannya sebagaimana dalam fakta kes kejadian (P2).
- ii. **Tempat kejadian** – kejadian berlaku di hotel iaitu di bilik No. XXX, Duyong Marina & Resort, Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Bilik Hotel adalah

sebuah premis yang terhad dan mempunyai privasi, yang mana hanya individu yang berkenaan sahaja yang boleh memasukinya. Justeru itu, mana-mana orang yang menyewa hotel adalah mempunyai akses sepenuhnya ke atas bilik yang disewa olehnya dan orang lain tidak boleh menceroboh atau memasuki bilik tersebut, dan penyewa adalah bebas untuk melakukan apa-apa perkara yang dirasakan jauh dan selamat dari pandangan dan pengetahuan ramai. Bahkan berdasarkan fakta kes, OKT telah awal-awal menempah dan menyewa bilik, yang mana sewanya adalah perlu dibayar oleh pelanggannya yang inginkan perkhidmatannya.

- iii. **Suasana Kejadian** – berdasarkan kepada fakta kes (P2) yang telah diakui benar oleh OKT/Pesalah sendiri, didapati wujud dan berlaku apa yang dikatakan sebagai aktiviti pelacuran oleh OKT/Pesalah. Pihak pendakwaan berpendapat bahawa unsur perbuatan yang dianggap sebagai persediaan untuk melacurkan diri benar-benar telah berlaku. Fakta ini dibuktikan melalui fakta kes (P2) yang menyebut bahawa OKT/Pesalah semasa tangkapan dibuat didapati berada bersama dengan pelanggannya di dalam bilik hotel tersebut, dan ditemui barang-barang kes yang dikaitkan dengan aktiviti pelacuran seperti kondom, gel pelincir, resit bayaran dan lain-lain.
- iv. **Status diri pesalah** - OKT/Pesalah adalah seorang perempuan dewasa yang telah berusia 45 tahun dan berstatus janda semasa kejadian. Pada peringkat usia begitu sepatutnya OKT/Pesalah telah boleh berfikir secara baik mana yang betul dan salah, mana yang baik dan sebaliknya. Kejadian yang melibatkan keruntuhan akhlak dan moral yang melibatkan muda-mudi dan golongan dewasa begitu banyak dilaporkan berlaku pada masa ini.

Berdasarkan kepada fakta kes di atas tersebut, Mahkamah berpendapat OKT/Pesalah mempunyai motif untuk melakukan kesalahan sebagai persediaan untuk melacurkan diri tersebut, dan tahap perbuatan adalah sesuatu yang amat serius, yang mana OKT/Pesalah telah pun berkurung dengan

pasangan/pelanggannya di dalam bilik hotel tersebut sejak dari jam 11.00 malam sehinggalah masa serbuan dibuat pada jam 11.45 malam. Ini menunjukkan kesalahan yang berat berkait aktiviti pelacuran sebegini semakin berani dilakukan dan juga menunjukkan seolah-olah pelaku kesalahan sebegini tidak gerun dan tidak mengambil pengajaran terhadap kes-kes dan hukuman dalam bidangkuasa Syariah di Mahkamah Syariah sebelum ini. Dengan fakta-fakta kes yang dibentangkan dan diakui benar oleh OKT/Pesalah, Mahkamah berpendapat bahawa kes ini adalah satu kes yang serius dan berat mengikut Undang-Undang Jenayah Syariah.

Faktor Pemberatan Keempat : Mahkamah bersetuju dengan hujah pihak Pendakwa bahawa faktor kemaslahatan umum atau kepentingan awam terhadap satu-satu kesalahan yang dilakukan oleh pesalah juga hendaklah diambil kira, kerana kes-kes melibatkan keruntuhan moral dan akhlak serta pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan tanpa batasan, banyak dilaporkan berlaku. Akibat dari kejadian-kejadian serta situasi yang negatif itu telah menyebabkan berbagai-bagai kerosakan dan kemudharatan kepada agama, bangsa dan negara. Aktiviti pelacuran khususnya akan memberikan kesan yang buruk samada kepada OKT/Pesalah, masyarakat dan juga negara. Antara kesan-kesan buruk itu sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendakwa di dalam hujahannya.

Mahkamah suka menegaskan tujuan utama perlaksanaan hukuman takzir dalam syariat Islam ialah pencegahan dan pengajaran di samping pemulihan dan pendidikan. Di samping itu, terdapat berbagai-bagai tujuan lain lagi. Pencegahan ertinya mencegah pesalah dari mengulangi kesalahannya di samping mencegah orang lain juga dari melakukan perbuatan serupa itu. Oleh kerana pencegahan merupakan antara tujuan utama takzir, maka hukuman yang dibuat mestilah boleh mencapai tujuan ini. Ianya mungkin berbeza di antara satu kes dengan satu kes yang lain kerana ada orang yang boleh dicegah melalui nasihat sahaja dan ada yang perlu dihukum.

Justeru, kerana kebanyakan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah sebelum ini adalah dalam bentuk denda, manakala hukuman penjara walaupun diperuntukkan namun ia jarang digunakan, telah menyebabkan matlamat pengajaran dan pencegahan yang dikehendaki oleh Islam tidak benar-benar tercapai. Ini kerana hukuman melalui pembayaran denda adalah terlalu ringan terutama bagi individu-individu yang berkemampuan dan nilai maksimum RM 5,000.00 adalah suatu nilai yang sedikit dalam pandangan dunia hari ini. Mahkamah juga melihat bahawa kadar hukuman yang dikanunkan bagi kesalahan ini sebenarnya tidak sepadan atau tidak setimpal dengan berat dan seriusnya kesalahan pelacuran atau persediaan untuk melacurkan diri yang menjadi salah satu daripada dosa-dosa besar bahkan pelakunya dilaknat oleh Allah S.W.T. Justeru itu, faktor kadar hukuman juga menjadi penyebab kepada kurangnya timbul kesedaran, keinsafan atau takut terhadap pihak yang melakukan kesalahan dan sekaligus matlamat pencegahan kepada kemaslahatan awam tidak berjaya atau gagal memberi kesan.

Saya juga ingin menarik perhatian masyarakat awam dengan membuat perbandingan dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sivil di mana Saya berpendapat sebenarnya hukuman yang dijatuhkan oleh kebanyakan Mahkamah Syariah masih terlalu kecil jika hendak dibandingkan dengan jenis kesalahan yang dilakukan. Bahkan suka Saya menyebutkan sebilangan kes di Mahkamah Sivil yang mana Y.A Hakim telah menjatuhkan hukuman denda yang tinggi dan turut menjatuhkan hukuman penjara dalam kesalahan-kesalahan yang kadang-kadang dilihat atau anggap kecil tetapi sebenarnya mempunyai implikasi sosial yang besar seperti kesalahan mencuri di pasar raya, memecahkan telefon awam, membuat panggilan palsu kepada pihak Polis, Bomba dan sebagainya.

Saya berpendapat hukuman-hukuman penjara yang dikenakan oleh Mahkamah Sivil di atas walaupun kadar kesalahannya pada pandangan umum tidaklah begitu

berat, adalah lebih kepada faktor kepentingan awam atau kemaslahatan umum. Ia lebih kepada maksud atau matlamat untuk memberi peringatan dan menimbulkan rasa takut kepada pesalah tersebut dan juga semua masyarakat umum di luar sana agar tidak melakukannya. Ini kerana perbuatan atau kesalahan-kesalahan tersebut walaupun kelihatan seperti kecil atau remeh, tetapi akibat dari perbuatan tersebut adalah amat besar dan serius kepada kemaslahatan awam dan negara iaitu boleh menimbulkan kecelaruan, kehuru-haraan, perasaan takut dan tidak aman serta menyusahkan banyak pihak. Oleh itu, Saya berpendapat suatu hukuman yang sewajarnya perlu ditimbang dalam kes ini bagi memastikan matlamat kepentingan awam tersebut boleh dicapai.

[**ULASAN MAHKAMAH**] - Mahkamah perlu membuat pertimbangan yang sewajarnya di antara dua kategori faktor yang boleh memberatkan dan juga yang boleh meringankan hukuman ke atas OKT/Pesalah ini agar hukuman yang dijatuhkan ke atas OKT/Pesalah benar-benar boleh mencapai matlamat yang dimaksudkan dalam Jenayah Syariah Takzir. Di akhir penghakiman ini, suka Mahkamah mengemukakan prinsip hukuman yang dibincangkan di dalam satu kes sivil klasik yang menjadi panduan yang dipakai oleh Mahkamah Sivil Malaysia dalam soal ini iaitu kes *common law* Inggeris, R v Kenneth John Ball [1951] 35 Cr App R 164. Dalam kes ini, *Hakim Hilberg* mengatakan :

“Undang-undang kita, oleh kerana itu, tidak menetapkan hukuman tertentu untuk sesuatu jenayah, tetapi menetapkan hukuman maksimum dan membiarkannya kepada Mahkamah untuk memutuskan apa hukumannya dalam lingkungan maksimum itu, hukuman yang setimpal untuk tiap-tiap satu jenayah mengikut keadaan tertentu sesuatu kes...Adalah kerana sebab itu, dan dengan pertimbangan tujuan-tujuan ini, bahawa sebelum hukuman dijatuhkan Mahkamah telah biasa dengan keterangan yang didengar sebelumnya dan perwatakan tiap-tiap seorang yang didapati bersalah....Latarbelakang, hal sebelumnya dan perwatakan tertuduh dan keseluruhan gaya dan tingkah lakunya di dalam Mahkamah boleh menunjukkan ada peluang baginya berubah sekiranya kemurahan atau

kelembutan hati (leniency) dapat dipanjangkan kepadanya, sebaliknya mungkin terlihat bahawa suatu pengajaran yang perit lebih sesuai diberikan kepadanya untuk menghentikan kerjaya jenayahnya”.

[Ulasan Mahkamah terhadap kes OKT/Pesalah bagi menjatuhkan hukuman ke atas OKT/Pesalah] – Matlamat utama Syariat Islam adalah untuk membawa rahmat kepada seluruh manusia dan semesta alam. Rahmat kepada seluruh alam ini tidak akan dapat dicapai atau dirasai, melainkan apabila manusia sebagai hambaNya tunduk dan patuh sepenuhnya kepada hukum dan ketentuan Allah Yang Maha Berkuasa. Rahmat kepada seluruh alam bukan bermaksud membiarkan atau memberi kebebasan atau bertoleransi kepada manusia melakukan perkara-perkara yang dilarang atau diharamkan oleh Allah S.W.T sebagai Pencipta. Ini kerana dalam perkara-perkara yang dilarang dan diharamkan itu sebenarnya akan membawa kepada kemudharatan dan merosakkan kehidupan manusia dan alam seluruhnya itu sendiri. Justeru itu, sebelum sesuatu hukuman hendak diputuskan, Mahkamah perlu menilai secara menyeluruh terhadap keseluruhan kes, kepentingan pesalah dan kepentingan awam, serta tanggungjawab pihak yang berkuasa agar matlamat hukuman secara takzir itu dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Oleh itu, Mahkamah meneliti kepada beberapa asas sebagai penilaian iaitu :

Pertama; Mahkamah telah mengambilkira semua kepentingan individu setiap pesalah yang mana OKT/Pesalah telah mengaku salah atas kesalahan sekaligus mengakui sedar dan insaf serta beraku janji tidak akan mengulanginya lagi, kesalahan adalah kali pertama dalam kesalahan Jenayah Syariah bagi OKT/Pesalah, OKT/Pesalah adalah seorang janda, ahli keluarga tidak hadir ke Mahkamah semasa dan sepanjang perbicaraan, rayuan OKT/Pesalah agar dikurangkan hukuman denda dan tidak dipenjarakan demi masa depannya, status diri OKT/Pesalah semasa rayuan peringanan yang mana tidak bekerja pada masa ini, OKT/Pesalah mula mempelajari agama dan mengamalkan tanggungjawab agama seperti solat dan membaca al-Qur'an dan sebagainya. Kesemua perkara di atas diambil perhatian dan

perkiraan oleh Mahkamah dalam mempertimbangkan hukuman yang wajar ke atas OKT/Pesalah ini, yang mana berdasarkan kepadanya suatu maksud peringanan hukuman boleh diberi pertimbangan ke atas OKT/Pesalah ini.

Kedua; Mahkamah juga wajar melihat kepada masalah atau kepentingan awam berhubungkait dengan kesalahan Perbuatan Sebagai Persediaan Melacurkan Diri ini. Mahkamah juga mengambilkira masalah dan kepentingan umum bahawa kesalahan Perbuatan Sebagai Persediaan Melacurkan Diri dalam konteks kes ini melakukan perbuatan urusan seks atau memberikan perkhidmatan seks dengan bayaran atau imbalan tertentu kepada pelanggan, merupakan antara gejala sosial yang menyumbang kepada keruntuhan moral dan akhlak, keruntuhan rumahtangga dan institusi kekeluargaan, wujudnya budaya songsang yang bertentangan dengan aturan hukum dan ketetapan Allah S.W.T, timbul penyakit-penyakit yang serius dan pelbagai kemudharatan yang lain, yang semuanya mengundang kemurkaan dan bala daripada Allah S.W.T, adalah lebih utama berbanding pertimbangan kemudharatan peribadi yang ditanggung oleh OKT/Pesalah.

Bahkan, apa yang terjadi ini telah diisyaratkan oleh Rasulullah s.a.w dalam beberapa Hadis *fitan* (fitnah akhir zaman). Antaranya Hadis yang mengisyaratkan bahawa antara tanda-tanda Kiamat adalah berleluasanya kemaksiatan seperti zina.

Ketiga; Seterusnya Mahkamah meneliti kepada jenis-jenis hukuman yang diperuntukkan di bawah seksyen 25 bil.7 (2001) itu, yang mana memperuntukkan 3 (tiga) jenis hukuman utama dan telah diperuntukkan secara takat yang maksima iaitu Denda tidak melebihi RM5,000 atau Penjara tidak melebihi 3 tahun atau Sebat tidak melebihi 6 (enam) Sebatan, bersesuaian dengan peruntukan seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (pindaan) 1984 yang menyatakan takat hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah, di samping terdapat beberapa hukuman alternatif yang berada di bawah pertimbangan dan budibicara Mahkamah.

Bagi hukuman Denda, Mahkamah berpendapat hukuman melalui pembayaran denda adalah suatu hukuman yang boleh dikatakan ringan terutama bagi individu-individu yang berkemampuan dan nilai maksimum RM5,000 adalah suatu nilai yang sedikit dalam pandangan dunia hari ini. Nilai maksimum RM5,000 itu mungkin adalah satu nilai yang tinggi dan besar serta dianggap berat pada masa pindaan terakhir Akta Mahkamah Syariah (Akta 355) (Bidang kuasa Jenayah) 1965 itu dibuat iaitu pada tahun 1984 lebih kurang 34 tahun yang lalu. Namun dalam dunia hari ini, Mahkamah berpendapat ia bukanlah lagi satu nilai yang tinggi dan bukan menjadi satu kepayahan untuk seseorang menyediakan jumlah tersebut. Mahkamah berpendapat, penetapan takat hukuman yang rendah sebegitu bagi suatu kesalahan yang besar/berat mengikut Hukum Syara'/Undang-Undang Jenayah Islam adalah suatu ketetapan tersirat yang menganggap bahawa kesalahan itu adalah sebagai kesalahan yang ringan atau kecil sahaja, sedangkan hakikat adalah sebaliknya mengikut neraca agama. Justeru itu, Mahkamah berpendapat takat hukuman denda maksima RM5,000 itu kurang mampu untuk memberikan satu peringatan dan pengajaran yang berkesan kepada seseorang pesalah, lebih-lebih lagi bagi maksud pencegahan kepada pesalah dan juga masyarakat Islam secara umumnya, kerana hukuman denda dalam bentuk wang ringgit amat kurang menimbulkan kegerunan kepada mereka lantaran boleh dibayar atau diusahakan untuk dibayar. Bahkan pengenaan hukuman denda sebagai hukuman utama dilihat kadang-kadang boleh menimbulkan satu stigma kurang baik bahawa kesalahan Jenayah Syariah ini boleh ditebus dengan wang yang sedikit sahaja.

Mahkamah mendapati perkara ini berlaku kerana jika dilihat kepada hukuman-hukuman yang diperuntukkan dalam mana-mana kesalahan Jenayah Syariah yang di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah, hampir keseluruhannya menjadikan hukuman denda sebagai hukuman utama dan kesemuanya menggunakan ayat yang hampir sama iaitu, "*...jika disabitkan kesalahan boleh di denda tidak melebihi....atau dipenjarakan tidak melebihi.....atau disebat tidak melebihi.....(bagi kesalahan yang*

memperuntukkan hukuman sebat)". Melainkan dalam kesalahan-kesalahan yang melibatkan penghinaan atau keingkaran terhadap Mahkamah yang meletakkan hukuman penjara sebagai hukuman utama.

Berbeza dengan kesalahan-kesalahan di Mahkamah Sivil terutama di dalam Kanun Keseksaan adalah menjadikan hukuman Penjara, Sebat dan Hukuman Mati sebagai hukuman utama, melainkan dalam kesalahan-kesalahan kecil barulah dijadikan hukuman denda sebagai hukuman utama. Justeru itu, Mahkamah ini berpendapat peruntukan bagi kesalahan Jenayah Syariah yang ada perlu dilihat semula (*review*) agar dapat dibuat penetapan hukuman yang bersesuaian bagi sesuatu kesalahan berdasarkan berat atau ringannya kesalahan itu mengikut Hukum Syarak dan masalah umum semasa. Seterusnya, bagi kesalahan-kesalahan yang dikategorikan sebagai kesalahan berat/besar mengikut Undang-Undang Jenayah Syariah diperuntukkan hukuman Sebat atau Penjara atau kedua-duanya sahaja tanpa hukuman Denda, sebagai suatu peringatan yang menggerunkan dan pencegahan awal kepada masyarakat Islam secara amnya. Perkara ini sebagaimana di dalam kesalahan-kesalahan Jenayah Sivil yang hanya memperuntukkan hukuman penjara dan sebatan ke atas kesalahan-kesalahan yang serius di dalam Kanun Keseksaan.

Merujuk kepada kes OKT/Pesalah ini, Mahkamah dapati setelah sebutan pertama pada 20.09.2018, sementara menanti sebutan semula kes pada 26.09.2018 OKT/Pesalah telah diperintahkan oleh Mahkamah agar dilepaskan dengan jaminan wang RM3,000 dan 2 (dua) orang penjamin, yang mana salah seorang penjamin hendaklah dari kalangan ahli keluarga terdekat. Tindakan ini diambil oleh Mahkamah kerana OKT/Pesalah dalam rayuannya ke atas jaminan menyatakan bukan berasal dari Terengganu dan tidak ada ahli keluarga atau kenalan di negeri Terengganu. Di peringkat sebutan pertama kes ini OKT/Pesalah telah gagal menyelesaikan jaminan tersebut iaitu gagal menyediakan wang jaminan RM3000.00 dan juga gagal menyediakan 2 (dua) orang penjamin, menyebabkan OKT/Pesalah

ditahan di dalam tahanan sementara menanti tarikh sebutan semula kesnya. Walaupun begitu, berdasarkan rekod prosiding kes, Mahkamah dapati semasa OKT/Pesalah di dalam tahanan, ada pihak yang ingin membayar jaminan bagi OKT, namun untuk 2 (dua) orang penjamin terutama salah seorangnya di kalangan ahli keluarga OKT/Pesalah sebagaimana yang diperintahkan gagal disediakan. Situasi ini membuktikan bahawa perintah berkaitan dengan wang adalah sesuatu yang tidak sukar untuk diselesaikan. Ini kerana Wang Jaminan tersebut boleh dibayar oleh OKT sendiri atau mana-mana pihak lain, yang mana ianya akan terus ditukarkan menjadi bayaran denda apabila hukuman denda dibuat oleh Mahkamah ke atas OKT/Pesalah berdasarkan tatacara kewangan yang ada. Justeru itu, Mahkamah berpendapat hukuman denda ke atas OKT/Pesalah ini boleh menjadi satu peringatan dan pengajaran kepada dirinya tetapi belum cukup atau mampu untuk menimbulkan satu kegerunan dan pencegahan bahawa perkara yang sama tidak akan dilakukan pada masa akan datang oleh OKT dan masyarakat amnya.

Bagi hukuman penjara pula, Mahkamah berpendapat hukuman melalui pemenjaraan adalah satu hukuman yang memberikan akibat berpanjangan ke atas seseorang pesalah. Ini kerana sekali pesalah dimasukkan ke dalam penjara, maka statusnya sebagai banduan akan kekal sampai akhir hayatnya. Justeru itu, seumpama menjadi satu amalan kebiasaan dalam kesalahan Jenayah Syariah, bagi kesalahan kali pertama Mahkamah masih mencari pertimbangan yang wajar dengan mengelakkan pesalah dari hukuman penjara, melainkan kes itu adalah suatu kes yang amat berat dan keadaan fakta dan latarbelakang pesalah dirasakan perlu dikenakan dengan hukuman tersebut. Mahkamah melihat bahawa Penjara yang ada pada masa kini adalah menempatkan pesalah-pesalah jenayah yang berbagai-bagai kategori jenayah dari Mahkamah Sivil, justeru kadang-kadang ia boleh membawa kepada berbagai-bagai keburukan seperti menjadi tempat latihan jenayah, perbuatan tidak bermoral dan sebagainya. Ini kerana pihak penjara menggunakan prosedur dan lokasi yang sama bagi pesalah Jenayah Sivil dan juga pesalah Jenayah Syariah,

sedangkan kategori kedua-dua jenayah itu adalah berbeza. Mahkamah berpendapat sudah sampai masanya satu tempat tahanan atau penjara atau sel khusus bagi menempatkan pesalah-pesalah Jenayah Syariah kerana negara ini mengamalkan dwi-sistem kehakiman iaitu Syariah dan Sivil sebagaimana yang diperuntukkan di dalam perlembagaan. Justeru itu, satu modul khusus dapat dilaksanakan ke atas pesalah-pesalah Syariah bagi tujuan memberikan satu ruang pemulihan dan pencegahan kepada mereka itu.

Merujuk kes OKT/Pesalah dalam kes ini, Mahkamah berpendapat peluang masih boleh diberi kepada OKT/Pesalah bagi kesalahan kali pertama ini dan juga pengakuan bersalah yang dibuat, dengan pertimbangan bahawa OKT/Pesalah telah menyedari kesalahan yang telah dibuat, dan diberi peluang untuk mengubah dan memperbaiki syahksiah diri agar tidak lagi terjerumus dalam kesalahan yang sama. Justeru itu, jika OKT/Pesalah gagal mengubah dan memperbaiki diri sehingga masih meneruskan perkara yang sama, maka perlu ditahan untuk diberikan suatu pengajaran beserta pemulihan.

Bagi hukuman sebat pula, Mahkamah dapati amat jarang digunakan berkemungkinan kerana sedikit sahaja jenis kesalahan yang memperuntukkan hukuman tersebut dalam Enakmen kesalahan Jenayah Syariah Takzir (Terengganu) 2001 (hanya dalam 7 (tujuh) jenis kesalahan sahaja), dan sebahagian besarnya melibatkan kesalahan-kesalahan seksual termasuklah kesalahan sebagai Perbuatan Sebagai Persediaan Melacurkan Diri ini. Mahkamah berpendapat sebatan Syariah adalah suatu sebatan yang ringan, kerana ia bukan bertujuan mengazabkan atau mencederakan pesalah, sebaliknya untuk memberikan peringatan, pengajaran dan pencegahan kepada pesalah dan juga masyarakat secara umumnya. Sebatan Syariah amat jauh berbeza dengan sebatan Sivil yang sememangnya mengazabkan, mencederakan serta menyakitkan pesalah.

Berkenaan dengan hukuman sebat dan tatacara pelaksanaannya telah diperuntukkan secara jelas di dalam seksyen 125 (1), (2) & (3) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 yang berbunyi :

Hukuman Sebat

125. (1) *Peruntukan seksyen ini dan seksyen 126 hendaklah terpakai apabila tertuduh dihukum sebat.*

(2) Alat sebatan, tidak termasuk pemegangnya, hendaklah daripada jenis yang sama dan dibuat sama ada daripada rotan atau ranting kecil pokok yang tiada ruas atau buku dan panjangnya tidak melebihi 1.22 meter dan tebalnya tidak melebihi 1.25 sentimeter.

(3) Peruntukan yang berikut hendaklah diikuti apabila melaksanakan hukuman sebat, iaitu-

- (a) sebelum hukuman itu dilaksanakan, pesalah hendaklah diperiksa oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan untuk diperakui bahawa pesalah itu adalah dalam keadaan kesihatan yang baik untuk menjalani hukuman itu;*
- (b) jika pesalah itu sedang hamil, pelaksanaan itu hendaklah ditangguhkan sehingga tamat tempoh dua bulan selepas dia melahirkan anak atau keguguran, mengikut mana-mana yang berkenaan;*
- (c) hukuman hendaklah dilaksanakan di hadapan seorang Pegawai Perubatan Kerajaan di mana-mana tempat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah atau di suatu tempat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi maksud itu;*
- (d) orang yang dilantik untuk melaksanakan hukuman itu hendaklah seorang yang 'adil dan matang;*
- (e) orang itu hendaklah menggunakan alat sebatan dengan kekuatan yang sederhana tanpa mengangkat tangannya melebihi kepalanya supaya tidak melukakan kulit pesalah;*
- (f) selepas mengenakan satu sebatan, dia hendaklah mengangkat alat sebatan itu ke atas dan tidak menariknya;*
- (g) sebatan boleh dikenakan ke seluruh bahagian tubuh kecuali muka, kepala, perut, dada atau bahagian-bahagian sulit;*
- (h) pesalah hendaklah memakai pakaian mengikut Hukum Syarak;*
- (i) jika pesalah itu lelaki, sebatan hendaklah dikenakan dalam keadaan dia berdiri, dan jika pesalah itu perempuan, dalam keadaan dia duduk;*

(j) jika semasa pelaksanaan hukuman sebatan itu Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui bahawa pesalah itu tidak lagi dapat menerima sebatan, sebatan itu hendaklah ditangguhkan sehingga Pegawai Perubatan itu memperakui bahawa pesalah itu sihat tubuhnya untuk menjalani baki hukuman itu.

Tatacara sebatan sebagaimana di dalam seksyen 125 (2) & (3) (e) (f) (g) (h) (i) di atas dapat menggambarkan bagaimana kaedah dan cara sebat itu dilakukan, yang pastinya amat berlainan dengan sebatan ke atas pesalah yang dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sivil. Pesalah dari Mahkamah Sivil akan diarahkan membuka baju dan hanya dibenarkan memakai cawat untuk melindungi kemaluannya, manakala pesalah Syariah dikehendaki memakai pakaian serta menutup aurat seperti yang dikehendaki oleh hukum Syarak sebagaimana peruntukan seksyen 125 (h) di atas. Tukang sebat pula akan mengayun dan melakukan sebatan terhadap pesalah secara sederhana sahaja. Seksyen 125 (e) menggariskan bahawa pukulan sebat hendaklah dengan cara yang sederhana di mana tukang sebat tidak boleh mengangkat rotan hingga melepasi paras kepala sebagaimana sebatan Sivil. Sebaliknya, dia mesti mengayun sebatan seolah-olah dalam keadaan mengepit al-Qur'an/Kitab di bawah ketiak dan ayunan sebatan itu dibuat dengan tidak menjatuhkan al-Qur'an itu tadi. Seksyen 125 (f) pula menjelaskan bahawa selepas mengenakan satu sebatan, dia hendaklah mengangkat alat sebatan itu ke atas dan tidak boleh menariknya sebagaimana dalam sebatan Sivil yang menyebabkan kulit dan isi anggota pesalah terkoyak/tercedera. Menurut Seksyen 125 (g) pula pukulan sebat boleh dikenakan di merata-rata bahagian anggota tubuh pesalah kecuali muka, kepala, dada dan bahagian sulit bertujuan tidak mencederakan kawasan tubuh yang disebat itu sekiranya jumlah sebatan itu adalah banyak. Perkara ini berbeza dengan sebatan Sivil yang menetapkan pukulan sebat ke atas kawasan punggung pesalah sahaja, yang mana dengan pukulan yang kuat ke atas kawasan yang sama menyebabkan kecederaan dan azab yang pedih ke atas pesalah.

Berdasarkan huraian di atas, Mahkamah menegaskan bahawa hukuman sebat secara Syariah bukanlah hukuman bertujuan untuk menyeksa, mengazab atau mencederakan pesalah, sebaliknya suatu hukuman untuk memberikan peringatan, pengajaran dan pencegahan kepada pesalah dan seluruh umat Islam yang mengetahuinya. Justeru itulah, pelaksanaan hukuman sebat bagi pesalah Syariah dilaksanakan di tempat yang umum yang boleh dilihat oleh sekumpulan orang yang beriman, agar menjadi suatu pengajaran yang akan disebarkan pelaksanaan tersebut dan menjadi satu kegerunan dan pencegahan kepada mereka yang lain agar tidak melakukan perkara yang sama.

Dalam hukuman sebat, hukuman itu adalah selesai setelah sebatan dilakukan ke atas pesalah sebagaimana hukuman denda yang akan selesai apabila pesalah membayar denda. Walaupun sebatan Syariah adalah sebatan yang ringan, namun begitu, kesan dari hukuman sebat tersebut boleh menjadi suatu pengajaran yang menyedarkan pesalah dan pencegahan baginya untuk bertaubat dan meninggalkan terus perbuatan tersebut. Itu adalah matlamat utama hukuman sebat dilaksanakan mengikut Takzir.

Mahkamah dapati bahawa 6 dari 7 jenis kesalahan Jenayah Syariah yang memperuntukkan hukuman sebat ialah kesalahan yang berhubung dengan jenayah seksual iaitu : (1) Seksyen 24 - Perbuatan sumbang mahram, (2) Seksyen 25 - Perbuatan sebagai persediaan melacurkan diri, (3) Seksyen 26 - Perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan isteri atau kanak-kanak dalam peliharaannya, (4) Seksyen 27 - Melacurkan isteri atau anak, (5) Seksyen 28 - Muncikari (bapa/ibu ayam) dan (6) Seksyen 30 - iaitu *Musahaqah*, manakala satu lagi ialah kesalahan Doktrin Palsu di bawah seksyen 4 Enakmen yang sama. Ini menunjukkan bahawa kesalahan jenayah seksual adalah amat relevan dengan hukuman berbentuk sebatan, sebagaimana ketentuan Allah S.W.T bagi hukuman hadd ke atas perbuatan zina

bagi pesalah yang belum berkahwin (*ghayr muhsan*) adalah disebat dengan 100 kali rotan.

Seterusnya, hukuman sebat ke atas pesalah boleh dilaksanakan di mana-mana tempat berdasarkan yang diarahkan oleh Mahkamah atau satu tempat khas yang telah ditetapkan/diwartakan oleh pihak Kerajaan Negeri, sebagaimana peruntukan seksyen 125 (3) (c) yang berbunyi :

(a) hukuman hendaklah dilaksanakan di hadapan seorang Pegawai Perubatan Kerajaan di mana-mana tempat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah atau di suatu tempat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi maksud itu;

Peruntukan ini memberi maksud bahawa hukuman sebat boleh dilaksanakan di mana-mana tempat sama ada tempat yang tertutup seperti penjara, rumah, bilik atau tempat umum yang dihadiri oleh orang ramai, bergantung kepada arahan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana tempat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan, setelah mengambil kira matlamat hukuman sebat itu dilaksanakan sebagai pengajaran, peringatan, menimbulkan kegerunan dan pencegahan kepada pesalah dan juga masyarakat seluruhnya.

Di dalam al-Qur'an al-Karim, Allah S.W.T apabila menceritakan hukuman hadd ke atas pelaku zina iaitu sebatan sebanyak 100 kali, turut memerintahkan kepada kelompok kaum Muslimin untuk sama-sama menghadiri proses pelaksanaan hukuman tersebut. Ini dapat dilihat di dalam firmanNya yang menyebut :

وَلِيَشْهَدَ عَدَاؤُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

Yang bermaksud : "...maka hendaklah sekelompok manusia dari kalangan orang beriman menyaksikan hukuman (sebat) keduanya (penzina lelaki dan perempuan)"(surah an-Nur : 2)

Berkaitan dengan nas di atas, Mahkamah merujuk kepada ulasan Syeikh Tahir Ibn cAsyur Rahimahullah (w.1393H) dalam tafsirnya menyatakan : "Allah S.W.T memerintahkan kelompok kaum muslimin untuk menghadiri pelaksanaan had zina sebagai tahqiq akan telah tertegaknya hukum had, juga sebagai ancaman ke atas sikap bermudah-

mudahan dalam melakukannya. Ini kerana, sesuatu yang dilakukan secara tersembunyi adalah merupakan jalan untuk ia dilupakan. Sekiranya umat Islam tidak menyaksikan pelaksanaan hukuman tersebut, boleh jadi mereka akan tertanya-tanya ke atas ketiadaan pelaksanaan tersebut”.

...Pada arahan ini juga terdapatnya faedah lain iaitu, di antara maqasid hudud bersama-sama dengan hukuman ke atas penjenayah adalah supaya menimbulkan ketakutan ke atas orang lain. Dan dengan kehadiran sekumpulan orang beriman, maka yang hadir dapat mengambil peringatan serta menjauhinya (jenayah) serta akan tersebarlah bicara mengenainya apabila yang hadir menyampaikannya kepada yang tidak hadir.

Merujuk kepada kes OKT/Pesalah ini, Mahkamah berpendapat ada kewajaran hukuman sebat dikenakan ke atas OKT/Pesalah kerana kesalahan adalah melibatkan kesalahan jenayah seksual, yang mana walaupun OKT/pesalah telah mengaku bersalah dan menyedari serta menginsafi perbuatan salah itu dan juga kesalahan adalah kali pertama, hukuman sebat boleh mewujudkan satu pengajaran dan kegerunan ke atas OKT/Pesalah, sekaligus sebagai pencegahan yang boleh menghalangnya dari melakukan atau berhasrat melakukan perkara yang sama. Pengajaran, kegerunan dan pencegahan tersebut juga kepada masyarakat Islam seluruhnya apabila hukuman itu disaksikan oleh sekelompok orang dan maklumat mengenai pelaksanaannya tersebar kepada mereka. Justeru itu, peruntukan seksyen 125 (3) (c) itu amatlah bertepatan dengan roh perundangan Islam.

Bagi hukuman alternatif seperti ditahan bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 (enam) bulan di pusat perlindungan yang ditetapkan sebagaimana peruntukan seksyen 68 Enakmen yang sama, Mahkamah memberi pertimbangan di atas rayuan dan cadangan OKT/Pesalah, bahawa OKT/Pesalah mohon untuk dihantar/tahan di pusat perlindungan wanita dengan alasan OKT/Pesalah ingin untuk mendapatkan suatu tempat bagi proses pemulihan diri. Mahkamah dapati sepanjang prosiding kes ini berjalan, tidak ada seorang pun dari kalangan ahli keluarga OKT/Pesalah yang

hadir. Ini menunjukkan secara zahir bahawa OKT/Pesalah walaupun sebenarnya masih mempunyai ahli keluarga, tetapi tidak diambil cakna ke atas OKT/Pesalah sebagaimana ketidakhadiran mereka ke Mahkamah sepanjang prosiding kes OKT/Pesalah ini. Keadaan ini sekaligus menunjukkan tidak wujudnya satu pencegahan dalam bentuk jalinan komuniti kekeluargaan dan kemasyarakatan kepada OKT/Pesalah.

Mahkamah ingin menyatakan di sini, bahawa hukuman Komital di Pusat Perlindungan adalah merupakan *hukuman alternatif* yang diperuntukkan di dalam Enakmen ini. Dalam perbincangan fiqh, hukuman alternatif dirujuk sebagai *‘uqubah badaliyyah* iaitu hukuman ganti apabila hukuman asal tidak dapat dilaksanakan kerana sebab-sebab yang wajar sama ada ianya tidak dapat dilaksanakan kerana tidak memenuhi justifikasi dan elemen yang diperlukan. Dalam konteks undang-undang Syariah dan pelaksanaan di Mahkamah Syariah pula, Saya melihat hukuman yang lebih berorientasikan denda *“maliyyah”* atau dalam bentuk kewangan adalah ringan dan dipandang ringan, serta kedua-duanya dalam kebanyakan keadaan tidak boleh atau kurang memberi pengajaran dan kesedaran kepada orang yang melakukan kesalahan.

Oleh itu, Mahkamah merujuk kepada peruntukan undang-undang dan mengambil pendekatan bahawa Mahkamah juga boleh memerintahkan agar pesalah dihantar ke Pusat Pemulihan/Perlindungan bagi program atau proses pemulihan dan tarbiyah ke atas syakhsiah diri pesalah. Berasaskan bahawa pelanggaran undang-undang adalah suatu maksiat akhlak dan juga pelanggaran kepada tuntutan akidah, maka pertimbangan yang diberikan oleh Mahkamah agar pesalah itu sebagai ganti kepada pemenjaraan (mengelak daripada bergaul dengan banduan *“sebenar”*) atau denda, adalah diberi kaunseling, nasihat dan peluang untuk memperbaiki diri dari segi rohani dan akhlak. Ini merupakan suatu aspek yang boleh diperkembangkan lagi dan digunakan oleh Mahkamah sementara pula peruntukan dalam Seksyen 97 (2) (b)

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 dan seksyen 68 Enakmen kesalahan Jenayah Syariah Takzir (Terengganu) 2001 membenarkannya.

Berdasarkan kepada pewartaan di atas tadi, dalam konteks Undang-undang Jenayah Syariah Negeri Terengganu, hanya terdapat dua pusat yang telah diwartakan iaitu Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman, Hulu Yam Selangor dan Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan Sabak Bernam, Selangor. Berhubung dengan tahanan di Pusat Perlindungan atau Pemulihan, Seksyen 97 (2) (b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan ;

(97) *Kuasa untuk melepaskan dengan syarat atau tanpa syarat.*

(2) Apabila mana-mana orang dipertuduh di hadapan Mahkamah atas suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah itu, dan Mahkamah mendapati bahawa pertuduhan itu telah dibuktikan, tetapi berpendapat bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental orang yang dipertuduh itu, atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu, atau kepada hal keadaan peringan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan, adalah tak suaimanfaat untuk mengenakan apa-apa hukuman selain daripada suatu hukuman nominal atau bahawa adalah suaimanfaat melepaskan pesalah itu dalam cubaan akhlak, Mahkamah boleh, tanpa merekodkan suatu sabitan, membuat perintah-

(a)

(b) memerintahkan pesalah itu ditahan di suatu rumah kebajikan yang diluluskan oleh Majlis selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi 6 bulan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah; atau

(c)

Seterusnya, bagi melaksanakan tujuan yang diperuntukkan di dalam Seksyen 97 (2) (b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 tersebut, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 pula telah menyatakan tanggungjawab dan proses mewartakan Pusat Perlindungan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Seksyen 66 Enakmen yang sama.

Sek. 66 - Penetapan pusat pemulihan atau rumah diluluskan.

Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menetapkan mana-mana tempat atau institusi, menjadi pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Enakmen ini.

Seterusnya bagi tujuan tatacara pelaksanaan Komital, di dalam seksyen 68 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 tersebut juga menyatakan secara lebih spesifik jenis-jenis kesalahan yang mana komital ke rumah diluluskan boleh dilakukakan. Seksyen 68 Enakmen tersebut dengan tajuk, “Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan pesalah perempuan ke rumah diluluskan,” berbunyi;

“Jika Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang perempuan atas suatu kesalahan di bawah bahagian IV, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintahkan orang-orang perempuan sedemikian dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; tetapi jika apa-apa tempoh pemenjaraan dikenakan sekali dengan komital itu, tempohnya tidaklah boleh melebihi agregat tiga tahun”

Berikut adalah kesalahan-kesalahan dibawah Bahagian IV ini terdiri dari;

- a) Perbuatan sumbang mahram (seksyen 24)
- b) Perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan isteri (seksyen 25)
- c) Perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan isteri atau kanak-kanak dalam peliharaan (seksyen 26)
- d) Melacurkan isteri atau anak (seksyen 27)
- e) Muncikari (seksyen 28)
- f) Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah (seksyen 28)
- g) Musahaqah (seksyen 30)
- h) Khalwat (seksyen 31)
- i) Persetubuhan dengan bukan manusia (seksyen 32)
- j) Orang lelaki berlagak perempuan (seksyen 33)
- k) Perbuatan tidak sopan di tempat awam (seksyen 34)

- l) Mendedahkan tubuh di tempat awam (seksyen 35)
- m) Mewati'e (seksyen 36)

Justeru itu, kesalahan seksyen 25 ini adalah juga termasuk dalam bahagian IV yang mana mahkamah diberi kuasa untuk mengkomitkan mana-mana OKT/pesalah ke rumah yang diluluskan.

Seterusnya, bagi maksud melaksanakan peruntukan di dalam Seksyen 97 (2) (b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 dan seksyen 66, 67 dan 68 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Ta'zir) tersebut, Kerajaan telahewartakan beberapa Pusat Perlindungan sebagaimana berikut;

Warta Kerajaan Negeri Terengganu, 25 Nov. 2010

No. 1305.

ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH
(TERENGGANU) 2001
(En. Tr. 5/2001)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh **Seksyen 97 (2) (b)** Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 [*En. Tr. 5/2001*], Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan ini melulus dan menetapkan kompleks bangunan yang dikenali sebagai Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor yang terletak di atas tanah Lot No. 51, 142 dan 143 dalam daerah Sabak Bernam dama mukim Sabak, atas Pelan No. Sel. Syit 5D dan meliputi keluasan seluas 6 ekar, sebagai pusat perlindungan bagi maksud-maksud Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Terengganu 2001 [*En. Tr. 5/2001*],

Bertarikh 25 Ogos 2010 bersamaan 15 Ramadan 1431
[MAIDAM. 01-003/439]

Warta Kerajaan Negeri Terengganu, 25 Nov. 2010

No. 1306.

ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (TAKZIR)
(TERENGGANU) 2001
(En. Tr. 7/2001)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh **Seksyen 66** Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 [*En. Tr. 7/2001*], Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan ini melulus dan menetapkan kompleks bangunan yang dikenali sebagai Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor yang terletak di atas tanah Lot No. 51, 142 dan 143 dalam daerah Sabak Bernam dama mukim Sabak, atas Pelan No. Sel. Syit 5D dan meliputi keluasan seluas 6 ekar, sebagai pusat perlindungan bagi maksud-maksud Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Terengganu 2001 [*En. Tr. 5/2001*],

Bertarikh 25 Ogos 2010 bersamaan 15 Ramadan 1431
[MAIDAM. 01-003/439]

Berdasarkan modul yang ditetapkan oleh Pusat Pemulihan Wanita Baitul Ehsan yang terbahagi kepada modul Umum dan modul Khusus yang mana modul Khusus merangkumi Pendidikan Aqidah, Feqah, Akhlaq, Tafsir al-Qur'an, Tajwid, Hadis, dan Sirah Nabawiyah. Saya secara positif melihat bahawa hukuman yang dikenakan ke atas OKT/Pesalah iaitu ditahan di Pusat Perlindungan Wanita adalah suatu hukuman yang cukup bersifat punitif untuk menggantikan Denda dan Pemenjaraan atau pun sebagai suatu hukuman tambahan bagi tujuan pemulihan. Bahkan, teori yang mendasari hukuman ini adalah didasari teori pemulihan yang bertujuan untuk mewujudkan ingatan yang menakutkan (*zajr*) atau memberi pengajaran kepada OKT/Pesalah dan masyarakat umumnya. Teori pemulihan ini membawa maksud sesuatu perlakuan jenayah itu dapat dicegah dengan menangani faktor penyebabnya iaitu aspek ekonomi, sosial, dan diri pesalah itu sendiri. Ia juga ditafsirkan sebagai suatu kaedah untuk mengubah personaliti negatif pesalah yang akhirnya dia akan mematuhi kehendak peruntukan undang-undang atau dengan kata lain memulihkannya. Matlamat umum teori ini pula adalah untuk

mengintegrasikan pesalah dengan sikap kesedaran beragama dan moral serta memfokuskan kepada perubahan tingkah laku jenayah pada diri pesalah menerusi tindakan campurtangan (*intervention*) yang dirangka khusus untuk meningkatkan sahsiah diri, cara pemikiran yang rasional dan melahirkan sikap dan tindakan yang bertanggungjawab.

Mahkamah meletakkan kepercayaan bahawa keluarga merupakan agen sosialisasi yang penting terutama dalam pembentukan akhlak seseorang, namun Mahkamah juga berpendapat bahawa ahli keluarga OKT/Pesalah tidak dapat menjaga atau memantau tentang keadaan diri OKT/Pesalah walaupun OKT tinggal bersama dengan mereka berdasarkan kesalahan OKT/Pesalah ini berlaku di tempat yang jauh dari pengetahuan ahli keluarga OKT/Pesalah iaitu kesalahan dilakukan di negeri Terengganu, sedangkan ahli keluarga OKT/Pesalah tinggal di Klang, Selangor, bahkan tiada seorang pun ahli keluarga OKT/Pesalah hadir ke mahkamah sepanjang prosiding kes ini berjalan.

Mahkamah juga melihat kepada faktor usia OKT/Pesalah yang telah memasuki usia 45 tahun, tetapi masih lagi terbabit dengan kesalahan di bawah Jenayah Syariah bahkan dengan kesalahan yang dianggap begitu serius dan berat iaitu Perbuatan Sebagai Persediaan Untuk Melacurkan Diri. Oleh itu, Mahkamah berpendapat OKT/Pesalah di peringkat usia sebegitu masih tidak mendapat didikan yang baik dari sudut agama dan juga kurang pemantauan dari pihak ahli keluarga. Mahkamah berpendapat Penahanan di Pusat Pemulihan akan memberikan ruang dan peluang kepada OKT/Pesalah untuk diberikan kesedaran dan bimbingan yang sewajarnya agar OKT/Pesalah dapat mengharungi kehidupan sosialnya pada masa akan datang berpandukan didikan dan panduan yang diberikan di dalam tahanan.

Mahkamah berpendapat Penahanan di Pusat Pemulihan juga akan menghalang atau menyekat OKT/Pesalah dari sebarang rangkaian dan rakan-rakan jenayah yang boleh mengembalikan semula OKT/Pesalah kepada perbuatan lamanya, kerana

kebiasaannya aktiviti membabitkan pelacuran mempunyai rangkaian dengan pihak-pihak tertentu. Mahkamah juga berpendapat dengan pendekatan pemulihan ini, ia mampu meletakkan keyakinan besar kepada sifat semulajadi manusia yang mudah dibentuk atau dipengaruhi, lebih-lebih lagi dengan pendekatan berorientasikan agama. Hal ini juga diharap pada masa mendatang akan membantu mengurangkan kadar *residivisme*, menawarkan peluang kedua kepada OKT/Pesalah, mengembalikan diri OKT/Pesalah sebagai anggota masyarakat yang boleh memberi manfaat dan menetapkan pesalah sebagai seseorang yang berfungsi di dalam masyarakat. Justeru itu, Mahkamah memberikan pertimbangan di atas permohonan pihak OKT/Pesalah untuk dihantar ke Pusat Perlindungan/Pemulihan Wanita dan Mahkamah membenarkan permohonan itu.

[**RUMUSAN AKHIR**] - Dan setelah perkara-perkara di atas diperhalusi, Saya berpendapat Mahkamah setelah membuat pertimbangan yang sewajarnya ke atas keseluruhan kes OKT/Pesalah, faktor peringan hukuman kurang dapat dipertimbangkan kepada OKT/Pesalah dengan asas dan dapatan bahawa :

[Pertama], OKT/Pesalah sebagai seorang Islam semasa melakukan kesalahan Sebagai Persediaan Untuk Melacurkan Diri itu sebenarnya mengetahui bahawa tindakannya itu adalah salah mengikut Hukum Syarak dan juga sosio budaya masyarakat setempat di Malaysia dan khususnya di negeri Terengganu ini, serta mengetahui risiko dan bahaya yang menyimpannya jika melakukan kesalahan;

[Kedua], fakta kes melibatkan OKT/Pesalah adalah satu fakta kejadian yang serius untuk kesalahan Sebagai Persediaan Untuk Melacurkan Diri iaitu kejadian di dalam sebuah hotel pada jam 11.00 hingga 11.45 malam iaitu pada di tempat yang privasi yang telah dirancang lebih awal oleh OKT/Pesalah dengan Pelanggannya (hotel telah ditempah oleh Pelanggan). Berdasarkan fakta ini, jelas menunjukkan adanya suatu perancangan awal untuk melakukan jenayah tersebut di situ;

[Ketiga], walaupun di peringkat rayuan peringanan hukuman, OKT/Pesalah tampak seperti wujud riak penyesalan dan keinsafan dalam diri OKT/Pesalah atas kesalahan yang telah dilakukan, namun kejadian tersebut dalam pandangan Mahkamah masih kurang memberikan kesan kesedaran sebenar terhadap OKT/Pesalah yang dalam kategori orang dewasa ini, dan perlu dikenakan satu tindakan atau hukuman yang tegas agar OKT/Pesalah benar-benar insaf dan sedar dan tidak mengulangi semula perbuatan tersebut.

[Keempat], sungguhpun peluang mitigasi diberikan dan Mahkamah telah menilai secukup-cukupnya faktor mitigasi yang dikemukakan OKT/Pesalah, OKT/Pesalah tidak menggunakan peluang rayuan yang diberikan bagi benar-benar meyakinkan Mahkamah apa yang perlu dipertimbangkan berkaitan dengan dirinya sebelum hukuman dijatuhkan dan sebagai suatu pengajaran kepada OKT/Pesalah dan masyarakat Islam amnya agar tidak melakukan bahkan tidak mendekati dan seterusnya menjauhkan diri dari kesalahan ini. Di antaranya OKT/Pesalah gagal menyatakan latar belakang dirinya dan juga hal ehwal keluarganya dengan jelas, dan tiada seorang pun ahli keluarga OKT/Pesalah yang hadir sepanjang prosiding kes ini.

[Kelima], Mahkamah wajar mengambilkira kepada kepentingan awam di samping kepentingan individu, dan kemudiannya mengimbangi antara kedua-duanya berpandukan fakta sesuatu kes. Justeru itu, Mahkamah berpendapat hukuman yang patut dikenakan ke atas setiap OKT/Pesalah setelah Mahkamah mengambilkira semua pertimbangan yang wajar dalam kes OKT, setelah Mahkamah mengambilkira kesesuaian ke atas OKT secara peribadi, bagi kesalahan kali pertama, latarbelakang diri dan kesan hukuman serta peluang bagi setiap OKT/Pesalah, mengambilkira kepentingan umum bahawa hukuman yang dikenakan bukan sahaja bagi menginsafkan OKT/Pesalah agar tidak mengulangi kesalahannya bahkan berharap pengajaran juga dirasai oleh masyarakat awam yang lain agar menatijahkan

kegerunan di peringkat komuniti yang lebih luas. Justeru itu, Mahkamah menetapkan hukuman kepada OKT/Pesalah dengan hukuman berbentuk sebat sahaja, dan juga hukuman tambahan ditahan di Pusat Perlindungan di bawah seksyen 68 Enakmen yang sama. Oleh itu, berdasarkan kepada alasan penghakiman yang diberikan di atas, Mahkamah membuat hukuman ke atas OKT/Pesalah seperti berikut ;

[HUKUMAN MAHKAMAH]

1. **SAYA HUKUM SABIT BERSALAH** ke atas OKT, XXXX, KP: 730308-01-XXXX(melalui ikrar pengakuan salah) dengan kesalahan Persediaan Untuk Melacurkan Diri di bawah seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) Pindaan (2017) ; **DAN,**

SAYA HUKUM OKT/PESALAH, XXXX, KP: 730308-01-XXXX dikenakan hukuman sebat sebanyak (4) empat kali sebatan ;

DAN,

SAYA HUKUM sebagai hukuman tambahan, OKT/Pesalah di atas ditahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan Sabak Bernam, Selangor selama tempoh enam (6) bulan mulai tarikh dijatuhkan hukuman, sebagaimana peruntukan seksyen 68 Enakmen yang sama ;

2. **SAYA PERINTAH** hukuman sebat ke atas **OKT/PESALAH**, XXXX, KP: 730308-01-XXXX dilaksanakan selepas tamat tempoh rayuan empat belas (14) hari dan tempat pelaksanaan hukuman sebat di Penjara Wanita Kajang dan dilaksanakan oleh pihak penjara tersebut ;
3. **SAYA PERINTAH** hukuman berkuatkuasa serta merta.

DIBERI DI BAWAH DITANDATANGAN Saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu pada hari ini, Rabu 01 Safar 1440H, bersamaan 10 Oktober 2018.

Meterai

Hakim Syar'ie